



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Pemilihan D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 7161]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7161]**

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 7203]

USUL-USUL:

Peraturan Mesyuarat 67—Menggantungkan [Ruangan 7203]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1979 [Ruangan 7204]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Hakim dan “Judicial Commissioners”—Lantikan [Ruangan 7258]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rahtau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 25hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN
YANG DI-PERTUA**

**PEMILIHAN D.Y.M.M. TIMBALAN
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 19hb yang lepas ini, saya telah menerima sepucuk surat daripada Yang Berbahagia Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia mengenai pemilihan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Begini bunyi suratnya:

“Yang Berhormat Tan Sri,

Adalah dengan hormatnya saya maklumkan iaitu mengikut peruntukan Jadual Ketiga pada Perlembagaan Persekutuan Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke 115 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Selasa, 19hb Jun, 1979 (Khas Hari yang Pertama) telah bersetuju mengisytiharkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, D.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Kelantan) telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama tempoh daripada 19hb Jun, 1979 hingga 25hb April, 1984”.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KOD BERKELAKUAN BAIK DALAM
PERKHIDMATAN AWAM**

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan di dalam cara apakah dan sejauh manakah pelaksanaan Kod Berkelakuan Baik telah berjaya mengadakan suatu perkhidmatan awam yang berdedikasi dan berdisiplin bagi negara ini?

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang dimaksudkan sebagai “Kod Berkelakuan Baik” oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Etika Perkhidmatan Awam, maka “Kod Berkelakuan Baik” itu sememangnya menjadi Teras Perkhidmatan seperti yang dirumuskan di dalam Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang iaitu:

1. Berazam meninggikan mutu perkhidmatan
2. Bekerja dengan penuh tanggungjawab
3. Berusaha mengikis sikap mementingkan diri
4. Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan
5. Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara
6. Bekerjasama dalam membenters kelemahan dan musuh-musuh negara
7. Berpegang teguh kepada ajaran ugama.

Etika Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan secara menyeluruh di peringkat Persekutuan dan Negeri pada 1-1-79 telah berjaya mengujudkan suasana Perkhidmatan Awam yang dedikasi dan berdisiplin. Disiplin di kalangan Ahli-ahli Perkhidmatan Awam adalah merupakan aspek yang diberikan perhatian utama dan tindakan disiplin telah diperketatkan lagi terhadap kakitangan Kerajaan yang kurang cekap atau yang tidak cekap dalam semua peringkat Perkhidmatan Awam. Bagi mereka yang memberi perkhidmatan yang cemerlang dan menunjukkan sikap dedikasi dan berdisiplin, hadiah-hadiah yang patut selain daripada penghargaan adalah juga diberi untuk menggalakkan dan mendorong mereka mencapai kecekapan yang lebih tinggi lagi. Kecekapan dan disiplin adalah juga salah satu faktor yang diambil kira dalam kenaikan

pangkat pegawai-pegawai Kerajaan. Walaupun masih awal untuk memastikan kemajuan yang dicapai setakat ini, tetapi adalah diketahui daripada makluman balas (feedback) yang diterima bahawa semua Kementerian dan Jabatan telah dan sedang membuat rancangan-rancangan tertentu untuk memperbaiki lagi taraf perkhidmatan yang lebih bermutu bagi kepentingan rakyat seluruhnya.

Saya suka menegaskan di sini bukanlah bermakna tidak ada kecekapan dan disiplin dalam Perkhidmatan Awam sebelum pelancaran Etika Perkhidmatan Awam ini; tetapi dengan adanya Etika itu satu semangat baru telah timbul di kalangan Perkhidmatan Awam dan mereka juga telah diberi orientasi yang lebih jelas dan tepat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa sejak Kod Etika Perkhidmatan Awam dilancarkan, ia telah berjaya untuk mencapai kejayaan. Tetapi di sini saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sejak pelaksanaan Kod Etika ini orang ramai belum diyakinkan bahawa Kod itu telah berjaya menentukan suatu perkhidmatan yang dedikasi dan berdisiplin dan ini dapat dibuktikan dengan aduan-aduan yang masih diterima oleh wakil-wakil rakyat bahawa masih lagi didapati sebilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan rendah yang tidak bersopan santun kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahannya ialah jikalau Yang Berhormat Menteri sedar atas hal ini, apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan bahawa masalah ini dapat diatasi?

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang kita tahu tidak ada pengaduan yang lebih hari ini daripada yang sudah-sudah malahan sudah berkurangan daripada yang sudah-sudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa mengikuti perkembangan dalam kakitangan Kerajaan dan kita mempunyai jentera di mana orang ramai boleh membuat pengaduan mengenai kelemahan-kelemahan

dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Yang kita tahu sejak akhir-akhir ini pengaduan itu telah berkurangan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan akan melaksanakan Kod Berkelakuan Baik ini di peringkat daerah ataupun di badan-badan berkanun.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kod Etika Perkhidmatan ini adalah dilancarkan di semua peringkat-peringkat Persekutuan, Negeri dan juga Daerah.

BELIA-BELIAWANIS BERHIJRAH KE KUALA LUMPUR

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak belia-beliawanis yang berhijrah dari luar bandar ke Ibu Kota Kuala Lumpur tidak mempunyai pekerjaan dan sama ada terdapat rancangan untuk menempatkan mereka di sebuah asrama atau lebih oleh kerana perkara ini telah dibangkit di Dewan ini semasa persidangan tahun 1975/1976; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk membina asrama bagi menempatkan belia-belia menganggur di bandar-bandar besar kerana adalah tidak menasabah dan praktikal. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan melaksanakan berbagai rancangan melalui berbagai-bagai Kementerian termasuk Kementerian saya dan agensi-agensi yang lain untuk memberi mereka latihan-latihan kemahiran di pusat-pusat latihan untuk menolong mereka ini seperti mendaftarkan mereka untuk pekerjaan, menolong mereka memulakan perniagaan kecil dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah tempat tinggal pula Kerajaan terutamanya Dewan Bandaraya telahpun mendirikan sebuah asrama khususnya untuk belia-belia yang bekerja di Ibu Kota dengan mengenakan bayaran yang lebih rendah daripada yang dikenakan oleh

pihak-pihak lain. Dalam pada itu sebuah Jawatankuasa Penyelaras telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Bahagian Penyelaras Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan termasuk Kementerian saya sendiri bagi mengkaji kemungkinan membina asrama-asrama di kawasan-kawasan perindustrian dan pusat-pusat perusahaan khusus untuk belia-belia yang berhijrah ke bandar-bandar. Jawatankuasa ini sedang menimbangkan kemungkinan pembinaan asrama-asrama tersebut yang akan menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bercadang sebagai salah satu ikhtiar untuk mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar untuk mengadakan projek-projek yang lebih ekonomi kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis di luar-luar bandar.

Tuan Mak Hon Kam: Ada.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan telah menjalankan satu kajian supaya menentukan bilangan pemuda-pemuda yang tidak mendapat kerja dan apakah bilangan yang telah diberi kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan ini adalah terkandung dalam jawapan saya yang asal.

LAWATAN BALAS PERDANA MENTERI KE VIETNAM

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah negara kita bercadang membuat lawatan balas ke Vietnam yang telah berjanji memberi kerjasama kepada kita di dalam berbagai bidang seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menterinya Tuan Pham Van Dong semasa lawatan beliau ke sini dalam tahun 1978; jika ia, bila; jika tidak adakah kemungkinan bilangan pendatang-pendatang haram dari Vietnam akan bertambah?

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, tidak ada apa-apa rancangan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membalas lawatan Perdana Menteri Vietnam itu.

Berkenaan dengan perkara pendatang-pendatang haram, Ahli Yang Berhormat mungkin sedar pendirian kita pada masa ini adalah sepertimana yang dinyatakan dalam perutusan telex daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18hb Jun, 1979, Malaysia tidak lagi berupaya memikul beban yang semakin sehari semakin berat ini. Oleh itu kita memberi notis bahawa kita akan mengambil langkah yang tegas untuk menghalang dan mengusir keluar pendatang-pendatang haram Vietnam itu ke perairan antarabangsa. Malaysia sedang mengambil langkah-langkah berpatutan untuk melengkapkan negara kita supaya langkah-langkah ini dapat dilaksanakan dengan penoh berkesan. Malaysia juga telah memberi notis yang jelas bahawa kita akan menghantar keluar pendatang-pendatang haram Vietnam yang berada dalam khemah-khemah di Malaysia jika mereka tidak diterima penempatannya oleh negara ketiga dengan seberapa segera atau diterima balik semula oleh negara mereka yakni Vietnam kerana masalah ini pada asasnya timbul dari Vietnam. Dalam perutusan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu supaya menggunakan jasa baiknya mendesak Vietnam mengambil langkah-langkah berpatutan dengan segera untuk menentukan bahawa pemergian rakyatnya adalah diatur dengan cara berkesan supaya tidak meruncingkan lagi masalah yang kini membebankan negara-negara jiran. Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu juga didesak supaya menekankan ke atas Vietnam bahawa ia patut mematuhi peraturan antarabangsa yang biasa dengan menerima balik orang-orang pelarian yang keluar dari Vietnam secara haram dan tidak diterima oleh negara-negara mana-manapun. Malaysia akan meneruskan usah-usahanya mendesak negara-negara penerima supaya menambah dan mencepatkan lagi rancangan menempatkan semula mereka ini serta menyelaraskan peraturan-peraturan mereka untuk menyejgerakan pemergian

pendatang-pendatang haram ini dari negara-negara persinggahan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen berkata bahawa tidak ada apa-apa rancangan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat lawatan ke negeri Vietnam. Di sini suka saya bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk menghantarkan satu rombongan Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Tuan Speaker untuk membuat lawatan ke Vietnam dengan tujuan menitikberatkan kepada Kerajaan Vietnam berkenaan dengan betapa seriusnya masalah pendatang Vietnam yang dialami oleh negara kita dan untuk menitikberatkan kepada mereka betapa perlunya supaya Kerajaan Vietnam dapat mengambil tindakan untuk menghentikan pengusiran pendatang-pendatang ke negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa tidak bertanya saya dahulu daripada luar Dewan? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu tidak ada rancangan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersabit dengan pencerobohan Vietnam ini sebagaimana ketegasan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat tentang keputusan tegas Kerajaan Malaysia dalam menghalau atau mengeluarkan pencerobohan ini luar dari perairan. Apakah ketegasan ini tidak akan dapat ditolakansurkan lagi walaupun mendapat tekanan daripada pihak luar atau pihak Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan menunjukkan cara bertolakansur lagi berhubung dengan ketegasan kita dan sebagai contohnya pada hari ini kita dapati 816 orang pendatang haram yang mendarat di Malaysia dan mereka ini menunggu siap sedianya pembaikan perahu-perahu mereka dan setelah siap sedia mereka akan ditunda keluar dan setakat ini sejak 18hb Jun sampai ke tarikh ini kita telah berhasil mengusir 60 buah kapal yang mana pendatang haram berjumlah lebih kurang

12,966 orang. Jadi ini saya rasa adalah tindakan tegas yang kita ambil dan mungkin ketegasan kita ini tidak akan berganjak.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen mengenai sikap Kerajaan sebab sikap tegas Kerajaan ini nampaknya akhbar-akhbar daripada luar negeri cuba hendak mengecam seolah-olah kita ini zalim, jahat dan sebagainya. Adakah Kerajaan kita takut dengan siaran-siaran akhbar ini atau bagaimanakah pendirian Kerajaan kita menghadapi dengan tegasnya masalah pendatang haram ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan ini sudah ada jawapan tadi, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak menambah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tidak ada.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pihak Pembangkang dalam Dewan ini, terutama DAP telah menggunakan istilah "pendatang" dan bukan "pendatang haram" ketika mengemukakan soalan mengenai pendatang haram ini. Dan apakah pihak Yang Berhormat serta Kementerian-kementerian lain yang berkenaan, terutama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang hendak mengarahkan pihak Pembangkang dalam Dewan ini menggunakan istilah rasmi iaitu istilah "pendatang haram" oleh kerana dengan menggunakan istilah "pendatang" sahaja kita seolah-olah menghalalkan pendatang haram ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pendatang yang tidak diundang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita masih berpegang teguh dengan kalimat "pendatang haram".

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi setakat hari ini 60 buah kapal telah diusir, ini bermakna kapal-kapal yang baru sampai.

Soalan saya, saya ingin tahu apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan kita sekiranya pendatang yang telah sedia ada sama ada pendatang haram atau orang hanyut ini yang berjumlah 73,000 itu sekiranya negara yang ketiga tidak mahu mengambil mereka. Soalan saya, apakah langkah yang telah diatur oleh Kerajaan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali soalan ini telah saya jawab tadi, iaitu jikalau mereka tidak diterima oleh negara yang ketiga maka kita akan menghantar mereka ke tempat mereka sendiri, ertinya mengusir mereka. Jadi perkara itu telah saya jawab.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN—LESEN PENGILANG

4. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian untuk syarikat-syarikat asing, tempatan dan usahasama, jumlah permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen tersebut yang masih di dalam perhatian dan nyatakan jumlah syarikat-syarikat yang belum lagi mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai lesen-lesen tersebut yang termaktub dalam Akta Penyelarasan Perindustrian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Mei, 1979 sebanyak 2,879 Lesen Pengilang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 146 lesen telah dikeluarkan kepada syarikat 100% milik asing; 1,819 lesen kepada syarikat 100% milik tempatan dan bakinya, iaitu sebanyak 814 adalah lesen yang dikeluarkan bagi projek usahasama di antara pelabur asing dan pelabur tempatan. Di samping itu, sebanyak 231 permohonan masih sedang diproses oleh Kementerian saya.

Soalan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah syarikat-syarikat yang belum mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai Lesen-lesen Pengilang adalah kurang jelas. Sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud

berapa banyakkah syarikat yang belum lagi memohon Lesen Pengilang di bawah Akta tersebut, sukalah saya menjelaskan iaitu sehingga hari ini terdapat beberapa banyak lagi syarikat yang masih belum memohon Lesen Pengilang masing-masing. Ini adalah disebabkan di antara lain terdapat syarikat-syarikat yang telah didirikan sebelum Akta tersebut dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta tersebut semua syarikat-syarikat perkilangan melainkan yang dikecualikan yang mempunyai modal pemegang saham sebanyak \$250,000 atau lebih dan mempunyai pekerja bergaji sepenuh masa seramai 25 orang atau lebih, dikehendakki memohon Lesen Pengilang dari Kementerian saya. Di sini sukalah saya mengambil kesempatan untuk menasihatkan syarikat-syarikat yang belum lagi memohon Lesen Pengilang supaya memohon Lesen tersebut dengan seberapa segera sebelum tindakan undang-undang diambil ke atas mereka oleh Kementerian saya.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu di sini "time limit" yang disetkan daripada Kementerian. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa "time limit" yang disetkan? (*Ketawa*)

Tuan Lee Kaw: Satu time limit yang orang boleh memohon lesen ini. Jikalau tidak, bilakah satu time limit?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak ingin menetapkan time limit bagi semua syarikat-syarikat yang belum memohon untuk memohon lesen kerana pada masa ini kita masih menerima permohonan-permohonan tersebut dan juga secara pentadbiran (administrative), Kementerian saya telah juga menggesa syarikat-syarikat yang berkenaan untuk membuat permohonan. Jika semua usaha ini tidak mencapai kejayaan dan juga Kerajaan memikirkan perlu kita mengadakan time limit, syarikat-syarikat berkenaan akan diberitahu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada

menyatakan tadi bahawa beliau bercadang hendak mengambil tindakan undang-undang di atas perkara-perkara yang difikirkannya menasabah. Suka saya hendak bertanya apakah bentuk tindakan undang-undang yang beliau bercadang hendak mengambil sekiranya kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah sampai jambatan, baru menyeberang. Itu belum ada sampai had jambatan, belum boleh dijawab lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapakah jumlah syarikat-syarikat yang belum lagi mendaftarkan diri di bawah ICA ini dan adakah mereka ini tidak mendaftar itu kerana tidak tahu adanya undang-undang ini ataupun cuba mengelak daripada mendaftarkan di bawah ICA ini.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai bilangan syarikat yang belum membuat permohonan itu tak dapat saya beri oleh kerana perkara ini sedang di dalam penyiasatan oleh pihak Kementerian saya, namun demikian bilangannya tidaklah begitu ramai, kami memikirkan bahawa tidak lebih daripada 500 pada keseluruhannya.

Salah satu daripada sebabnya mereka belum membuat permohonan itu bukan kerana mereka tidak tahu, tetapi memandangkan bahawa apabila permohonan itu dibuat, beberapa syarat akan dikenakan atau ditetapkan oleh pihak Kerajaan, jadi seperti biasa mereka itu cuba hendak menggunakan kemudahan yang sedia ada. Jadi ada sebahagian daripada syarikat-syarikat yang besar pula menggunakan dasar "wait and see" namun demikian kita tahu syarikat-syarikat ini dan sebelum kita mengambil tindakan undang-undang, kita cuba dengan sebolehnya menasihatkan mereka yang berkenaan dan di samping itu apabila mereka datang ke Kementerian untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang lain selain daripada lesen ini kita cuba juga menggunakan kuasa yang ada pada kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dari angka-angka yang telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengenai

permohonan yang telah ditolak, bolehkah beliau memberitahu berapa kes rayuan yang telah diterima dan berapa rayuan yang telah diluluskan?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga pada masa ini cuma 19 permohonan yang telah ditolak dan saya tak dapat hendak memberi angka berapa daripada mereka membuat rayuan, akan tetapi setakat ini rayuan-rayuan yang diterima jika ada, adalah di dalam proses pihak Kementerian.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini memberitahu Dewan ini sebab apa 19 kes permohonan ini ditolak.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat hendak beri satu persatu sebab-sebab 19 permohonan ini ditolak, tetapi secara umumnya ada beberapa sebab yang penting.

- (i) Yang pertama ialah dari segi "technical viability" bagi projek-projek yang berkenaan yang tidak dapat dipastikan apabila mereka membuat permohonan.
- (ii) Kedua ialah dari segi "economic viability" iaitu dari segi ekonomi projek ini tidak dapat mendatangkan keuntungan seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja masing-masing.
- (iii) Ketiga, ialah mereka tidak dapat tempat-tempat untuk menjalankan projek ataupun mendirikan kilang yang berkenaan.
- (iv) Keempat, yang lebih penting, ialah ada di antara permohonan-permohonan memohon lesen untuk mengeluarkan barang-barang yang banyak dikeluarkan ataupun diproses dalam negara ini. Jadi kalau permohonan-permohonan sedemikian diterima, Kerajaan tidak menggalakkan lagi oleh kerana ini akan membanyakkan barang-barang yang berkenaan, terutama sekali untuk "local consumption", dan ini akan menjejaskan permohonan yang sedia ada.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

5. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kalikah Lembaga

Penasihat telah memperakukan pembebasan orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak Akta tersebut dikuatkuasakan dan berapa kalikah perakuan-perakuannya ditolak, dengan memberikan alasan-alasan utama mengapa penolakan ini dibuat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang sudah ditugaskan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini kerana tersilap. Saya minta maaf, saya akan siasat dan bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada jawapan soalan No. 5?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Menunggu jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tangguhkan dahulu jawapannya.

PENDATANG HARAM VIETNAM— BANGKAI BOT

6. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa bangkai-bangkai bot Pendatang Haram bukan sahaja menjejaskan keindahan pantai di negeri-negeri Pantai Timur tetapi juga menghalang beberapa muara sungai dan menimbulkan kesulitan kepada nelayan-nelayan yang hendak keluar masuk melalui muara sungai ini. Jika sedar apakah langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya sedar di atas perkara ini dan Pasukan Petugas Pendatang-pendatang Haram Vietnam yang ada di negeri itu telahpun mengambil tindakan untuk menghubungi pihak Shah Bandar di negeri itu bagi mengambil langkah memusnahkan bangkai-bangkai bot pendatang haram Vietnam tersebut.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah jumlah bangkai-bangkai bot pendatang haram yang terdapat dalam negara kita sekarang?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah saya mencadangkan iaitu ada bangkai-bangkai bot-bot pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mencadangkan itu bukan soalan tambahan. Saya tidak benarkan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak bertanya soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bertanya boleh.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan saya sama ada boleh atau tidak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ambil separuh bangkai-bangkai bot pendatang haram ini dihantar ke tiap-tiap muzium dalam negeri kita supaya dapat disimpan dan akan ditengok dan dilihat oleh anak-anak dan cucu kita pada masa yang akan datang.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini bolehlah ditimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Inipun hendak ditimbang juga (*Ketawa*).

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Ya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bersabit dengan kerja membersihkan muara-muara sungai ini tentulah memakan wang yang banyak dan tidaklah adil untuk negeri kita menanggung belanjanya. Oleh itu, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang hendak menggunakan harta-harta pendatang haram yang kita simpan dan tahan sekarang ini dan melelongnya dan wang yang kita dapat itu kita gunakan untuk membiayai operasi membersihkan muara-muara sungai itu.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah ada bercadang hendak membuat demikian, bahkan inilah satu daripada bebanan yang pihak Kerajaan kita terpaksa menanggung ke atas masalah tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, apakah pihak Kementerian atau pihak Kerajaan bercadang untuk membaiki bot-bot itu yang mana yang boleh dipakai dan kemudian kita gunakan bot itu untuk menghanyutkan semula penceroboh ini keluar daripada perairan kita.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ya sememangnya cadangan itu telahpun dipraktikkan dan mana-mana bot yang dapat diperbaiki dan dapat digunakan untuk menghantar semula pendatang-pendatang haram ini keluar adalah dibuat demikian.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa yang lalu bot-bot ini datang dengan enjin-enjinnya sekali yang baik yang boleh digunakan. Saya difahamkan ada enjin-enjin ini telah dijual kepada orang ramai. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada benar enjin-enjin bot ini telah dijual kepada orang ramai dan siapakah badan penyelenggara yang mengatur penjualan enjin ini.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tidaklah sedar berlakunya atas perkara ini dan sekiranya ada, bolehlah kita siasat.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah Kementerian sedar bahawa selain daripada bot-bot yang dibawa oleh orang-orang Vietnam ataupun pendatang haram ini ke negara kita, mereka juga membuat bot-bot kecil untuk kegunaan seharian mereka di Pulau Bidong. Apakah langkah Kementerian dalam menghadapi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini di luar daripada soalan asal.

IKAN DIPERAIRAN MALAYSIA

7. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan dalam jangkamasa berapa tahun lagikah ikan-ikan yang ada di

perairan negara ini boleh mencukupi untuk makanan rakyat negara ini dan nyatakan juga apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan ikan sebagai sumber makanan dan supaya ikan tidak pupus di perairan negara kita?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka bahawa ikan-ikan yang ada di perairan negara ini boleh mencukupi untuk makanan rakyat di negara ini untuk beberapa tahun lagi. Dari itu Kementerian saya sedang dan akan mengambil langkah bagi meniggikan pengeluaran ikan untuk menyelaraskan dengan permintaan yang kian meningkat. Buat masa ini beberapa rancangan telah diatur iaitu:

- (a) Menggalakkan tangkapan ikan laut,
- (b) Memajukan perusahaan menternak ikan (ikan air payau, ikan air tawar dan jenis ikan laut),
- (c) membaiki cara-cara mengendali dan menyimpan ikan untuk mengurangkan kadar kehilangan/kerosakan selepas tangkapan.

ROMPAKAN MELIBATKAN SENJATAPI

8. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan besar rompakan di negara ini melibatkan penggunaan sejatapi dan ada kemungkinan besar bahawa senjatapi-senjatapi ini telah diseludup ke dalam negara ini dan jika ya, apakah tindakan telah diambil mengenai perkara ini?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bagi mengatakan bahawa sebilangan besar rompakan yang berlaku di negara ini adalah melibatkan penggunaan senjatapi. Angka-angka semenjak tahun 1977 menunjukkan bahawa purata kadar rompakan yang menggunakan senjatapi ialah 10.5% sahaja daripada semua jumlah rompakan. Kadar ini nyata berkurangan dari kadar-kadar tahun-tahun sebelumnya iaitu pada tahun 1975 kadar 20.5% dan juga 22.4% bagi tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan menunjukkan bahawa sebahagian besar senjata-senjatapi yang digunakan dalam rompakan ini

telah diseludupkan. Pihak Kerajaan adalah memandang berat atas perkara ini dan telah-pun mengambil langkah-langkah yang tertentu sepertimana menubuhkan yunit-yunit pencegah penyeludupan bagi menjalankan rondaan di sempadan-sempadan dan juga memagar beberapa kawasan yang tertentu di sempadan dan begitulah juga memperhebatkan rondaan oleh pihak Polis Marine dan dari semasa ke semasa mengadakan gerakan khas oleh Pasukan Polis bagi mencegah jenayah itu. Tindakan-tindakan ini telahpun dapat mengurangkan kadar kejadian rompakan bersenjata sepertimana yang telah-pun saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, bagi penumpang-penumpang kapalterbang biasanya pihak yang berkenaan memeriksa kita dengan menggunakan alat-alat elektronik untuk mencari senjatapi khabarnya, tetapi kenapa tidak digunakan alat-alat begini kepada mereka yang melintasi sempadan khususnya sempadan Kelantan dan Golok.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pengawasan keselamatan di lapangan terbang adalah diadakan satu peraturan khas berhubung dengannya. Berhubung dengan pengawasan keselamatan di sempadan tidaklah digunakan cara-cara yang dibuat bagi keselamatan lapangan terbang.

ASKAR TERENDAK KEM MENGAMOK

9. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian ini untuk menyiasat laporan rasmi saya yang dialamatkan kepada beliau bertarikh pada 3-5-79 tentang sekumpulan askar dari Terendak Kem mengamok dan memukul orang ramai di bandar Melaka pada jam lebih kurang 10.00 malam pada 2-5-79 di mana ramai orang awam tercedera ada di antaranya telah dirawat di Hospital Besar Melaka; dan berapa orangkah (lebih kurang 50 orang dari Terendak Kem) yang bertanggungjawab

atas pengamokan ini telah dihadapkan ke mahkamah; dan

- (b) adakah perkara yang serius ini telah dirujuk kepada Kementerian Pertahanan supaya pegawai-pegawainya dapat didisiplinkan dan imej pasukan keselamatan negara kita tidak dicemari.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, (a) laporan Ahli Yang Berhormat yang bertarikh pada 3hb Mei, 1979 itu telahpun dirujuk kepada pihak Polis bagi penyiasatan yang sewajarnya dan mengikut penyiasatan Polis sekumpulan lebih kurang sebanyak 20 orang telahpun terlibat dalam kejadian yang tersebut dan seramai 4 orang awam adalah didapati mendapat cedera yang ringan. Maka adalah didapati juga tujuan mereka itu keluar beramai-ramai pada malam itu ialah berpunca daripada insiden yang lain yang berlaku di salah sebuah kedai minuman di bandar itu dan dalam mana 2 orang askar telahpun dipukul di kedai minuman tersebut pada malam yang sebelum itu. Walau bagaimanapun, pihak Polis telah-pun berjaya menghalang sebarang kejadian yang tidak diinginkan yang harus berlaku di kedai minuman itu yang juga boleh menimbulkan keadaan yang lebih serius.

Setakat ini pihak Polis masih lagi mengadakan penyiasatan dalam kes ini oleh kerana bila diadakan barisan mengecam, maka saksi-saksi tidak dapat mengenali mereka yang terlibat itu.

- (b) Perkara ini telahpun dirujuk kepada Kementerian Pertahanan untuk tindakan selanjutnya.

KEDUTAAN MALAYSIA—MENARIK PELABURAN ASING

10. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang ditugaskan kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk menarik pelaburan asing ke negeri ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, menyedari mustahaknya pelaburan asing bagi pembangunan ekonomi negara kita, Suruhanjaya-suruhanjaya tinggi dan Kedutaan Besar Malaysia di luar negeri mengambil bahagian sepenuhnya dalam

usaha-usaha pada keseluruhan bagi menarik pelaburan asing ke negara ini.

Di negeri-negeri di mana pegawai MIDA ataupun Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia ditempatkan, Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar bekerja rapat dengan Pengarah-pengarah pejabat MIDA di negeri-negeri di mana tiada terdapat Pegawai-pegawai MIDA. Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Besar itu sendiri untuk mengambil tanggungjawab utama bagi menggalakkan pelaburan ke Malaysia daripada negeri-negeri yang berkenaan.

Sukacita saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-kedutaan Besar di luar negeri bukan sahaja mengambil bahagian dalam menggalakkan tugas-tugas menarik pelaburan malah memainkan peranan juga dalam memperkembangkan keperluan ekonomi Malaysia dalam ertikata yang lebih luas. Umpamanya, perwakilan kita adalah diberi tugas untuk mendapatkan bantuan teknikal dan bantuan untuk pembangunan menggalakkan lebih banyak eksport barang-barang keluaran Malaysia dan menggalakkan pelancungan supaya melawat Malaysia. Tidak kurang juga pentingnya kerana perwakilan kita ialah dari segi laporan dan maklumat-maklumat yang sentiasa dihantar pulang mengenai perkara yang boleh menjejaskan keperluan ekonomi Malaysia. Setengah daripada Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar Malaysia di luar negeri menjalankan tugas-tugas tersebut ialah seperti berikut:

- (i) Mengadakan hubungan dan memberi penerangan sewajarnya kepada pihak yang berkuasa dan juga kalangan peniaga-peniaga.
- (ii) Menyediakan bahan-bahan bercetak kepada agensi-agensi dan juga orang-orang tempatan khususnya bahan-bahan bercetak yang dikeluarkan oleh MIDA dan Lembaga Kemajuan Pelancungan (TDC).
- (iii) Memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan dari bakal-bakal pengimport dan khidmat yang sama diberi juga

kepada pengeksport-pengeksport dari Malaysia.

- (iv) Membantu orang-orang asing yang hendak melawat Malaysia atas urusan perniagaan dan juga peniaga Malaysia yang hendak melawat negeri luar yang berkenaan.
- (v) Persediaan-persediaan bagi lawatan-lawatan di peringkat rasmi sememangnya menjadi tanggungjawab Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan kita di luar negeri untuk menyempurnakannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu berapa buah Pejabat MIDA yang telah ditubuhkan di luar negeri dan kedua, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini tentang rancangan Kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak pejabat MIDA di ibu negeri yang ada hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara asing yang mempunyai pegawai MIDA pada hari ini bolehlah dikatakan seumpama Britain, Jerman, Perancis, Amerika Syarikat kita ada dua tempat; satu di New York dan satu di San Francisco, di Australia, di Sydney dan Hongkong—baru ditubuhkan pada 15hb Oktober, 1978 dan di Jepun.

Berhubung dengan soalan kedua sebenarnya kita akan berikhtiar untuk menambah lagi rancangan kita supaya perhubungan kita dari segi perniagaan dan dari segi meninggikan taraf ekonomi kita dengan negeri-negeri luar akan lebih kemas dan rapi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi ialah melalui penerangan. Soalan tambahan saya ialah dalam menyebarkan penerangan mengenai Malaysia adakah kedutaan-kedutaan kita itu diarahkan supaya mengadakan seminar-seminar ataupun forum mengenai perdagangan dan perindustrian untuk negara ini selain daripada seminar atau forum yang dijalankan oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada.

TEMBAKAU YANG DIIMPORT

11. **Tuan Ting Chek Moy** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar bahawa 95% tembakau terpaksa diimport dan seseorang petani tidak dibenarkan menanam lebih dari 700 batang pokok tembakau dan jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa petani-petani kita dihadkan dalam penanaman pokok tembakau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa 95% tembakau terpaksa diimport dari luar negeri untuk digunakan oleh pengilang-pengilang rokok dalam negara kita. Mengikut perangkaan, jumlah tembakau yang diimport adalah berbeza dari setahun ke setahun. Misalnya, dalam tahun 1970 pengilang-pengilang mengimport sebanyak 77.4% dan dalam tahun 1978 peratus yang diimport telah jatuh kepada 45% sahaja. Kadar import yang semakin berkurangan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan tembakau tempatan makin bertambah yang dianggarkan sebanyak 2 hingga 5% pada tiap-tiap tahun. Untuk makluman Yang Berhormat peratus import tembakau dari luar negeri antara tahun 1970 hingga 1978 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | | | | <i>Peratus tembakau yang diimport</i> |
|--------------|----|----|----|---------------------------------------|
| 1970 | .. | .. | .. | 77.4 |
| 1971 | .. | .. | .. | 69.7 |
| 1972 | .. | .. | .. | 58.3 |
| 1973 | .. | .. | .. | 49.0 |
| 1974 | .. | .. | .. | 49.1 |
| 1975 | .. | .. | .. | 47.4 |
| 1976 | .. | .. | .. | 39.8 |
| 1977 | .. | .. | .. | 43.1 |
| 1978 | .. | .. | .. | 45.0 |

Adalah juga tidak benar bahawa seseorang petani tidak diberi kebenaran menanam lebih daripada 700 pokok tembakau pada satu musim. Seseorang petani adalah diberi kebenaran menanam tembakau dengan

berasaskan kepada keupayaan dan kemampuan seseorang petani itu sendiri. Pada lazimnya seseorang petani itu dibenarkan menanam purata sebanyak 2,000 hingga 3,000 pokok pada tiap-tiap musim ataupun seluas ½ ekar dengan menanam sebanyak 3,500 pokok. Pihak Lembaga Tembakau Negara juga telah menetapkan bahawa bagi tiap-tiap satu ekar hendaklah ditanam tidak lebih daripada 7,000 pokok tembakau sahaja mengikut kehendak-kehendak tanaman tembakau yang baik.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bersetuju bahawa dasar untuk menggalakkan tanaman tembakau ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan tidak menggalakkan orang ramai merokok.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Pihak Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah supaya orang ramai sedar tentang bahaya menghisap rokok.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sambutan rakyat terhadap penanaman tembakau ini agak sangat menggalakkan pada hari ini, adakah pihak Setiausaha Parlimen yang berkenaan bercadang untuk membuat sesuatu rancangan yang tertentu yang mana pada akhirnya import tembakau ini akan dihapuskan sama sekali.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan bahawa penggunaan tembakau tempatan ini ditambah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, perniagaan tembakau ataupun rokok ini banyak bergantung kepada selera atau citarasa perokok-perokok. Adalah didapati bahawa dengan campuran di antara tembakau tempatan dan tembakau luar negeri akan menghasilkan citarasa yang lebih digemari oleh perokok-perokok.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tamabahan. Tembakau juga sebagaimana padi . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebagaimana apa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tembakau juga sebagaimana tanaman padi, jadi kalau banjir terlampau kuat tembakau akan menempuh

kerugian yang besar dan jika kemarau terlampau kuat tembakau juga akan menempuh kerugian yang besar. Kalaulah berlaku demikian, adakah pihak Kementerian yang berkenaan akan memberi bantuan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Pertanian memberi bantuan kepada pak-pak tani khasnya berkenaan dengan padi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Kalau itu berlaku bolehlah ditimbangkan.

RANCANGAN SENAMAN RADIO

12. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian ini bercadang hendak mengadakan siaran "Rancangan Senaman Radio" di waktu pagi ke Sekolah-sekolah di seluruh negara dan mengarahkan sekolah-sekolah supaya semua murid-muridnya mesti mengikuti latihan senaman dari siaran radio itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, patut atau tidaknya sesuatu rancangan matapelajaran itu disiarkan melalui radio adalah bergantung kepada keperluan untuk menyokong atau melengkapkan pengajaran guru dalam kelas bagi membolehkan murid-murid memahami isi matapelajaran itu dengan lebih mudah. Oleh kerana keadaan-keadaan yang terhad dari segi masa siaran, peruntukan dan kemudahan-kemudahan siaran keutamaan terpaksa diberikan kepada pelajaran-pelajaran yang lebih penting di mana siaran radio difikirkan lebih perlu. Adalah dirasakan pelajaran senaman di sekolah-sekolah memadailah diajar oleh guru-guru. Oleh kerana fungsi radio bukanlah untuk menggantikan guru maka matapelajaran ini tidak diberi keutamaan dan Kementerian saya tidak bercadang untuk menyiarkannya melalui radio.

LESEN PEMANDU PERDAGANGAN RINGAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan siasat ke atas aduan-aduan yang dibuat di Negeri Sembilan yang mengatakan bahawa pihak RIMV di Seremban mengambil masa sebanyak dua hingga tiga minggu untuk memproses sesuatu permohonan untuk

mendapatkan lesen pemandu perdagangan ringan jika dibanding dengan amalan lama di mana masa yang diambil ialah hanya satu atau dua hari sahaja dan kelambatan ini mengakibatkan kesusahan-kesusahan yang tidak perlu serta juga mendatangkan kerugian kepada peniaga-peniaga kecil.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar mengenai aduan-aduan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat dari Seremban dapat melaporkan kes-kes yang spesifik, Kementerian saya akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah harga murah yang telah dibina di Sabah dan Sarawak semenjak Hari Malaysia; jika tiada rumah harga murah yang dibina nyatakan mengapa; dan sama ada Kerajaan bercadang membina rumah-rumah harga murah bagi golongan berpendapatan rendah di kedua-dua Negeri ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya kira rangkaikata "Rumah Murah" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah rumah awam kos rendah yang dibiayai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan daripada Kementerian saya.

Di Negeri Sabah rumah awam kos rendah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah. Semenjak ditubuhkan pada 1hb April, 1968 pihak Suruhanjaya berkenaan telah menyiapkan sejumlah 2,015 unit rumah awam kos rendah di Negeri Sabah. Di Sarawak pula rumah awam kos rendah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Negeri Sarawak. Sejak ditubuhkan pada bulan November 1972 pihak Suruhanjaya berkenaan telah menyiapkan sejumlah 829 unit rumah awam kos rendah di negeri tersebut.

Sementara itu pada masa ini pihak Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah sedang giat membina sebanyak 1,310 unit lagi rumah

awam kos rendah di negeri tersebut manakala pihak Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Negeri Sarawak sedang berusaha untuk menyiapkan sejumlah 4,331 lagi yunit rumah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

LICENSED MONEY CHANGER DI LAPANGAN TERBANG

15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa di lapangan terbang Subang tidak ada Licensed Money Changer, sama ada kemudahan-kemudahan ini akan diadakan bukan sahaja di Subang tetapi juga di lapangan terbang di Malaysia, dan jika perlu, Bank Bumiputra boleh diminta untuk menguruskan. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telahpun ada dua buah Pengurup Wang Berlesen (Licensed Money Changers) dan sebuah cawangan Malayan Banking Berhad. Adalah disedari bahawa kemudahan per-tukaran matawang yang mencukupi patut diadakan di semua lapangan terbang. Oleh itu kelulusan sudahpun diberi kepada permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen Pengurup Wang di lapangan terbang-lapangan terbang yang tidak mempunyai kemudahan itu dengan mencukupi. Saya juga ingin memaklumkan bahawa lesen pengurup wang tidak semestinya diberi kepada sesebuah bank tertentu sahaja kerana pemberian lesen itu bolehlah diluluskan kepada siapa juga. Tambahan pula, Pengurup Wang Berlesen mempunyai kelebihan kerana mereka boleh menjalankan urusan dalam tempoh masa yang lebih panjang daripada sesebuah bank.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Chow Poh Kheng.

(Soalan No. 16 Y.B. Puan Chow Poh Kheng tidak hadir)

ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

17. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau telah menerima satu memorandum

dari Majlis Peguam mengenai keadaan buruk orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; sama ada Kerajaan telah bertindak atas memorandum ini, dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-hajj): Tuan Yang di-Pertua, saya ada memorandum yang dimaksudkan itu dan satu penyiasatan yang rapi baharu sahaja diselesaikan dan didapati tindakan-tindakan yang dijalankan itu adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 dan juga peraturan-peraturan yang berkaitan dengan orang-orang tahanan.

MAHASISWA SASTERA MENGGANGGUR

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada mahasiswa sastera yang mengganggu, dan jika ya apakah tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan pengambilan penuntut jurusan sastera dan di samping itu menambahkan bilangan penuntut jurusan-jurusan yang lain seperti jurusan sains.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar siswazah Sastera sekarang ini menghadapi kesulitan untuk mendapat pekerjaan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kerana pengeluaran siswazah sastera adalah melebihi keperluan negara. Kementerian saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini; salah satu darinya ialah dengan mengurangkan pengambilan pelajar-pelajar jurusan sastera memasuki Universiti-universiti tempatan. Mengikut garis kasar dari segi kepentingan latihan guru-guru siswazah, Kementerian Pelajaran, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa dalam bidang perguruan guru-guru terlatih yang mendapat kelulusan HSC dan telah diberi tempat untuk mengikuti kursus Sastera di Universiti-universiti biasanya diberi cuti separuh gaji. Bermula dari tahun ini guru-guru yang mendapat tempat untuk jurusan Sastera di Universiti-universiti hanya akan diberi separuh gaji sekiranya mereka mengambil mata-mata pelajaran tertentu mengikut keperluan Kementerian Pelajaran.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan supaya pengambilan pelajar-pelajar dibuat berdasarkan nisbah 60% untuk jurusan sains dan 40% untuk jurusan sastera. Selain dari itu langkah-langkah telah diambil untuk memulakan beberapa kursus baru dalam jurusan sains umpamanya kursus Ekonomi Sumber Alam Sekitar dan Teknologi Makanan yang dimulakan dalam tahun 1976, Kursus Teknologi Rumahtangga dalam tahun 1977 dan kursus Bachelor Perikanan telah mula ditawarkan di Universiti Pertanian Malaysia pada sesi ini. Selain dari itu Universiti Teknologi Malaysia telah menaikkan taraf kursus Perancangan Bandar dan Kursus Seni Bina ke taraf ijazah mulai sesi lalu.

Di samping langkah-langkah di atas kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Fakulti-fakulti jurusan sains sekarang ini telah diperbesarkan untuk menampung lebih ramai lagi pelajar-pelajar. Umpamanya mulai sesi 1979/80 Fakulti Pergigian Universiti Malaya telah menambahkan pengambilan pelajar-pelajarnya dari 32 orang kepada 48 orang dan telah dirancang pada tahun 1983 angka kemasukan ini akan meningkat kepada 64 orang. Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk memulakan Fakulti Perubatan yang ketiga di Universiti Sains Malaysia bagi menampung kekurangan pegawai perubatan di negara ini. Selain dari langkah-langkah di atas Kerajaan juga telah menyediakan banyak biasiswa kepada pelajar-pelajar jurusan Sains terutama kepada mereka yang kurang mampu.

Di peringkat sekolah pula Kerajaan telah dan sedang memperbaiki dan mengadakan kemudahan-kemudahan untuk pelajaran sains termasuk guru-guru sains yang berkelayakan supaya pelajaran sains dapat diajar dengan lebih baik lagi. Dengan pertambahan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang mengambil matapelajaran sains maka sudah tentulah bilangan pelajar di Universiti-universiti dalam jurusan tersebut akan bertambah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa pengambilan siswazah-siswazah sastera mulai tahun ini dikurangkan. Saya ingin tahu sama ada jumlah siswazah-siswazah sastera yang telah dikurangkan ini diambil berdasarkan kepada keperluan tenaga manusia?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam jawapan saya penuh isi kandungannya menjawab kepada soalan yang dikemukakan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri dan pihak Kerajaan iaitu selain daripada langkah-langkah yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi bagi tidak mahu menggalakkan ramai daripada penuntut-penuntut memasuki jurusan sastera. Tidakkah pihak Kerajaan boleh membuat satu skim gaji sesiapa yang lulus daripada jurusan sastera ini lebih rendah tingkatan gajinya daripada jurusan lain.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini luar daripada tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kerajaan ada satu tenaga penyiasat atau man-power study tiap-tiap tahun untuk makluman pihak universiti-universiti di mana kalau dia tahu apa tenaga kerja negara hendak dia boleh susun intakenya.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti termaktub dalam laporan Rancangan Malaysia Ketiga dan Kajian Separuh Penggal yang telah dibuat, soal keperluan tenaga manusia memanglah diambil kira oleh pihak Kerajaan apabila ianya menggubal atau membentuk sesuatu kursus atau menghantar pelajar-pelajar untuk belajar di institusi-institusi pelajaran tinggi. Tetapi analisa ataupun cara untuk membuat kajian tahunan tidak dibuat oleh sebab soal pengiraan keperluan tenaga manusia di dalam satu negara itu merupakan satu tugas yang begitu complex yang melibatkan beberapa faktor yang tertentu berhubung dengan keperluan negara pada keseluruhannya yang meliputi segala aktiviti, ekonomi, sosial dan lain-lain di dalam masyarakat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak bertanya dari pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada pihak Kementeriannya bercadang hendak melengkapkan siswazah-siswazah sastera yang menganggur ini dengan ilmu dalam bidang-bidang yang khusus, misalnya, dalam bidang-bidang yang boleh berguna di lapangan swasta supaya degree sasteranya itu tidak terbuang percuma.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini terpujanglah kepada siswazah-siswazah yang berkenaan dan mengikut kursus-kursus yang ada mengikut keperluan masing-masing. Dari segi Kementerian Pelajaran pihak Kementerian Pelajaran cuma menyediakan kemudahan-kemudahan sahaja dan tiap-tiap seorang yang hendak mengambil apa juga kursus ditimbang mengikut kelulusan dan kebolehan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat saya mohon maaf kepada Dewan, sebab tidak dapat. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dengan rengkas sahaja.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Izinkan saya pohon maaf kepada Dewan, kerana tidak dapat menjawab soalan No. 5 tadi, oleh kerana berlaku sesuatu kesilapan di Kementerian saya, dan jika diizinkan oleh Yang di-Pertua, akan dijawab soalan itu besok.

Tuan Yang di-Pertua: Ini boleh dijawab pada hari esok.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 19 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

SISWAZAH PERUBATAN UNTUK LAWATAN AMALI

16. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan latihan amali selama dua tahun bagi "interns" yang dilatih di seberang laut supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di kawasan tempatan demi untuk menjimatkan masa penyesuaian di sini apabila mereka kembali semula ke tanahair kerana memandangkan negara kita masih kekurangan para doktor.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Siswazah-siswazah perubatan warganegara Malaysia yang tidak menjalani latihan doktor siswazah di seberang laut boleh dipertimbangkan untuk menjalani latihan ini

di berbagai hospital yang diiktiraf di negara ini. Latihan tersebut merupakan syarat pendaftaran penuh di bawah Akta Perubatan, 1971. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan tidaklah bercadang untuk memestikan tiap-tiap orang siswazah perubatan warganegara Malaysia yang berkelayakan di seberang laut itu menjalani latihan doktor siswazah mereka di negara ini.

RUMAH DI TAMAN CEMPAKA— ADUAN PEMBELI

19. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau telah menerima aduan daripada pembeli-pembeli rumah di Taman Cempaka yang dikendalikan oleh Ipoh Garden Sdn. Bhd., bahawa terdapat kelewatan dalam mendirikan rumah-rumah mereka. Jika ya, apa tindakan beliau hendak ambil tentang Ipoh Garden Sdn. Bhd., sebab pembeli-pembeli rumah diperlukan membayar faedah kepada firma kewangan untuk pinjaman mereka.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum): Ia, Kementerian saya memang ada menerima aduan-aduan dari pembeli-pembeli rumah di Taman Cempaka yang dilaksanakan oleh Ipoh Garden Sdn. Bhd. Aduan-aduan itu kebanyakannya adalah mengenai kelewatan menyiapkan rumah. Masalah kelewatan menyiapkan rumah, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum merupakan masalah pecah kontrek yang akhirnya harus diselesaikan di mahkamah. Dengan demikian soalan sama ada Kementerian saya harus atau boleh mengambil apa-apa tindakan dari segi undang-undang terhadap pemaju itu tidaklah berbangkit. Bagaimanapun saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak pemaju telahpun bersetuju untuk membayar gantirugi kepada pembeli-pembeli yang berkenaan.

KEBAKARAN MENYEBABKAN KERUGIAN

20. Tuan V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kebakaran yang berlaku di Malaysia mulai dari 1hb Januari, 1978

hingga 30hb April, 1979. Bilangan nyawa yang terkorban dan kerugian yang dialami. Adakah mutu kecekapan dari perkhidmatan menentang kebakaran telah merosot. Sudahkah peraturan-peraturan yang sewajarnya diambil untuk mempergiatkan lagi latihan kepada penentang-penentang kebakaran.

| <i>Tahun</i> | | | | | |
|------------------|----|----|----|----|----|
| 1978 | .. | .. | .. | .. | .. |
| 1-1-79 — 31-4-79 | .. | .. | .. | .. | .. |

Berhubung dengan mutu kecekapan saya nyatakan bahawa mutu kecekapan perkhidmatan menentang kebakaran telah diperbaiki dan terus dipertingkatkan. Kecekapan perkhidmatan adalah sentiasa tinggi dengan mengadakan latihan jitu dan tegas. Sebelum seseorang Ahli Bomba itu dimasukkan ke dalam tugas operasi, ianya adalah diberikan latihan yang intensif selama 4 bulan dan apabila ia telah ditempatkan dalam bahagian operasi ianya sentiasa juga menghadapi latihan harian. Pegawai-pegawai Bomba dan anggota-anggotanya adalah sentiasa menjalankan pengkajian-pengkajian berhubung dengan kawasan-kawasan dan daerah masing-masing untuk mengetahui dan mengatasi apa-apa masalah yang ada.

Pegawai Bomba juga dihantar mengambil kursus di luar negeri seperti di United Kingdom, Australia, Jepun, India dan Singapura. Pegawai-pegawai Bomba juga dihantar untuk mengikuti kursus kepimpinan di Sekolah Latihan Semangat Lumut. Ini adalah semuanya dilakukan bagi mempertimbangkan mutu perkhidmatan. Di samping itu peralatan-peralatan dan kelengkapan-kelengkapan seperti kereta-kereta bomba adalah diperbarukan dan ditambah dari masa ke semasa.

KEMATIAN MENDIANG WE JAW KEE

21. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) (i) apakah tindakan telah diambil untuk menyasiat kes mendiang Encik Wee Jaw Kee sepertimana yang dilaporkan dalam surat saya yang dialamatkan kepada beliau pada 9-2-1979;

Dato' Michael Chen Wing Sum: Sebagai jawapan kepada pertanyaan Y.B. itu saya nyatakan bahawa bilangan kebakaran yang berlaku di Malaysia mulai dari 1hb Januari, 1978 hingga 30hb April, 1979 dan juga bilangan nyawa yang terkorban dan kerugian harta benda yang dialami adalah seperti berikut:

| <i>Bilangan Kebakaran</i> | <i>Bil. Nyawa Terkorban</i> | <i>Kehilangan Hartabenda</i> |
|-------------------------------|---------------------------------|----------------------------------|
| 5,553 | 19 | \$58,910,094 |
| 2,938 | 24 | \$20,173,197 |

- (ii) sebab musabab yang mengakibatkan ambulan tidak boleh mengejar ke perhentian bas, Jalan Kilang (lebih-kurang ½ batu dari Hospital Besar Melaka) dalam masa 30 minit;
- (iii) siapakah yang akan bertanggung-jawab atas kematian Encik Wee Jaw Kee;
- (iv) adakah kematian mendiang Encik Wee Jaw Kee disebabkan kelalaian pihak hospital;
- (b) memandangkan kes mendiang Encik Wee Jaw Kee ini, apakah tindakan yang berkesan telah diambil oleh beliau untuk memperbaiki perkhidmatan ambulan hospital dan rawatan emergency (seperti operasi kecemasan, pemindahan darah dll.) di Hospital Besar Melaka khasnya dan Hospital-hospital Besar lain amnya orangramai dapat diperlindungi.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

- (a) (i) Sebelum menerima laporan dari Ahli Yang Berhormat, saya sendiri telahpun meminta supaya kes ini disiasat.
- (ii) Dari penyiasatan ini, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pihak hospital lewat menghantar ambulan ke tempat kejadian tersebut. Polis menalipon ambulan kira-kira pukul 8.00 malam di mana sebuah ambulan telahpun dihantar ke tempat kejadian ini sebaik sahaja selepas menerima panggilan ini. Ambulan kembali ke hospital pada

pukul 8.30 malam kerana pesakit yang cedera itu telah dibawa ke hospital dengan teksi.

- (iii) Hanya pihak Polis sahaja yang boleh menentukan siapakah yang bertanggungjawab di atas kematian pesakit ini oleh kerana beliau telahpun ditikam.
- (iv) Pesakit telah dibawa ke hospital dengan pelbagai kecederaan, dan sebaik sahaja tiba di hospital beliau telahpun dirawati oleh doktor-doktor yang berkenaan. Walaupun dengan adanya usaha-usaha rawatan ini, pesakit telah meninggal dunia.
- (b) Kesemua peraturan-peraturan di hospital-hospital adalah dikaji dari masa kesemasa mengenai kecekapannya.

PENDATANG HARAM—MENGUTUK KERAJAAN VIETNAM

22. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah Malaysia tidak mengutuk Kerajaan Vietnam kerana ia tidak mahu menerima dakwaan, bahawa ia tiada berkuasa mengawal rakyatnya, mengakibatkan orang-orang pelariannya membebaskan Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah beberapa kali membincangkan perkara mengenai pendatang haram Vietnam. Sempena lawatan Perdana Menteri Pham Van Dong ke Malaysia pada bulan Oktober 1978, Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah mengambil kesempatan menegaskan pada masa itu betapa seriusnya masalah ini kepada rakyat dan Kerajaan Malaysia. Tambahan pula, dalam satu urusan telex yang telah dihantar kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu pada 18hb Jun, 1979, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyeru Setiausaha Agong itu menggunakan jasa baiknya supaya merayu kepada Vietnam untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan seberapa segera untuk menentukan bahawa pemergian pendatang-pendatang haram Vietnam diatur supaya tidak merosotkan lagi masalah yang sedang dialami oleh negara-negara jiran. Setiausaha Agong itu

juga digesa menekan pihak Vietnam bahawa ia patutlah mematuhi peraturan-peraturan antarabangsa yang biasa dengan menerima balik orang-orang yang telah meninggalkan Vietnam dengan secara haram dan tidak diterima oleh mana-mana negara pun.

Pada 11hb Jun, saya sendiri telah memberitahu Duta Besar Vietnam di Malaysia bahawa masalah pendatang-pendatang haram Vietnam telahpun meningkat ke satu paras kritikal dan mungkin menjejaskan perhubungan dua-hala antara kedua negara kita.

Memandangkan usaha kita, Kerajaan Vietnam telah meyakinkan bahawa ianya sedang mencuba mencari cara-cara menyelesaikan masalah ini secara positif supaya tidak menimbulkan masalah-masalah kepada Malaysia dan negara-negara jiran yang lain. Malaysia sedang menunggu hasil keyakinan ini.

RUMAH MAYAT DI BUKIT BANGSAR

23. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan adakah beliau sedar tentang ketiadaan rumah mayat di Bukit Bangsar untuk menampung keperluan-keperluan orang yang tinggal di Rumah Pangsa Sri Pahang. Adakah beliau akan menimbang untuk mengadakan sebuah rumah mayat demi untuk memastikan bahawa simati dapat diberi penghormatan bersesuaian dengan nilai-nilai tradisional dan keugamaan dari kaum-kaum yang tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Sebuah rumah mayat khas tidak boleh dibina di Rumah Pangsa Sri Pahang, Bukit Bungsar kerana kawasan perumahan itu tidak luas. Dewan Bandaraya sedang menimbang untuk membina satu tempat mayat sementara. Tempat mayat sementara ini dirasakan lebih praktikal memandangkan dari segi kegunaan kawasan yang terhad.

JAWATAN KOSONG—PENGAMBILAN

24. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam masih belum mengisi jawatan-jawatan yang kosong di jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian dan mengikut satu laporan

terdapat 40,000 jawatan yang masih belum diisi dan ini telah melemahkan jentera Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ya, bilakah pengisian jawatan-jawatan ini akan dibuat, dan jika tidak mengapa?

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Kerajaan sedar bahawa banyak lagi jawatan-jawatan kosong yang masih belum diisi sepenuhnya. Dalam hal ini langkah-langkah yang perlu sememangnya telah diambil dan usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh enam Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan bagi mengisi kekosongan tersebut.

Bagi mengisi kekosongan yang baru di dalam jawatan-jawatan Kumpulan C dan D, Kerajaan telah melancarkan usaha pengambilan khas tidak berapa lama lagi dengan cara penurunan kuasa kepada Lembaga-lembaga Temuduga yang dinamakan "Operasi Isi Penuh". Walau bagaimanapun dalam usaha pengisian semua jawatan-jawatan ikhtisas (professional dan technical) dan yang memerlukan kemahiran yang khusus, tidaklah dapat dibuat dengan serta merta disebabkan kekurangan calon-calon dan juga ianya memerlukan masa bagi melatih pegawai-pegawai dalam bidang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan beberapa perakuan yang sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Khas bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam proses pengambilan kakitangan dan juga kemungkinan untuk menggunakan komputer bagi mempercepatkan lagi urusan pengambilan.

Saya tidak begitu bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kekosongan 40,000 jawatan itu telah melemahkan jentera Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini ialah disebabkan tidak kesemua kekosongan itu berlaku sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu haruslah juga disedari bahawa bukan semua jawatan yang kosong itu terlibat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Bagi projek-projek pembangunan yang besar pula dan di mana kepercayaan Kerajaan kurang ianya di-

laksanakan dengan cara kontrek. Lain-lain faktor yang boleh melambatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan ialah kelewatan mendapat dan membersihkan tanah-tanah tapak projek, keadaan cuaca, kekurangan bahan-bahan dan jentera-jentera pembinaan.

**BAHASA MANDARIN/TAMIL
BAGI KURSUS GURU-GURU**

25. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada memandang kepada hakikat sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil menggunakan Bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar Kerajaan akan memperkenalkan semula kursus-kursus guru-guru yang menggunakan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar utama supaya dapat memelihara taraf tinggi kedua-dua bahasa tersebut sejajar dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam perlembagaan Persekutuan.

Dato' Musa bin Hitam: Tidak. Semenjak tahun 1970 Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua latihan asas di Maktab-maktab Perguruan bagi melaksanakan dasar Kerajaan terhadap bahasa-bahasa pengantar di institusi-institusi pelajaran di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah bagi mengekalkan taraf pelajaran kedua-dua bahasa itu di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil. Guru-guru pelatih yang akan ditempatkan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China atau Tamil hendaklah mempunyai kepujian dalam Bahasa China/Tamil peringkat MCE atau setaraf dengannya sebagai kelulusan minima untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan. Di samping itu, Bahasa China/Tamil diwajibkan sebagai matapelajaran pengkhususan bagi guru-guru pelatih itu, dan mereka dikehendaki menjalankan latihan mengajar melalui bahasa pengantar China/Tamil sebagai satu komponen kursusnya.

**PEPERIKSAAN MCE/SPM DAN
KEMASUKAN PELAJAR HSC/STP**

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah calon-calon yang mengambil peperiksaan MCE dan SPM

dalam tahun 1978 yang memperolehi Pangkat Satu, Pangkat Dua dan Pangkat Tiga dan juga nyatakan bilangan pelajar-pelajar yang telah masuk ke dalam kelas-kelas HSC dan STP Tingkatan Enam Rendah, dengan memberikan angka-angka perpecahan bagi aliran sastera dan sains dan nyatakan perpecahan

kaum pelajar-pelajar yang berada dalam aliran sastera dan sains itu.

Dato' Musa bin Hitam: Bilangan calon-calon Sekolah Bantuan Penuh yang lulus di dalam peperiksaan SPM/MCE tahun 1978 adalah seperti berikut:

| <i>Peperiksaan</i> | <i>Jumlah Calon Mengambil</i> | <i>Pangkat I</i> | <i>Pangkat II</i> | <i>Pangkat III</i> |
|--------------------|-------------------------------|------------------|-------------------|--------------------|
| MCE .. | 62,526 | 11,053 (17.7%) | 12,599 (20.2%) | 19,108 (30.6%) |
| SPM .. | 53,466 | 1,198 (2.2%) | 4,350 (8.1%) | 19,746 (36.9%) |

Bilangan pelajar-pelajar yang telah berjaya memasuki Tingkatan Enam Rendah Sains/Sastera aliran Inggeris/Kebangsaan untuk tahun 1979 mengikut kaum adalah seperti jadual di bawah:

SEMENANJUNG MALAYSIA

SAINS

| | <i>Melayu</i> | <i>Cina</i> | <i>India</i> | <i>Lain-lain</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------|---------------|--------------|--------------|------------------|---------------|
| Aliran Inggeris .. | 4,126 | 3,800 | 348 | 15 | 8,289 |
| Aliran Kebangsaan .. | 2,155 | 185 | 83 | 15 | 2,438 |
| Jumlah .. | <u>6,281</u> | <u>3,985</u> | <u>431</u> | <u>30</u> | <u>10,727</u> |

SASTERA

| | <i>Melayu</i> | <i>Cina</i> | <i>India</i> | <i>Lain-lain</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------|---------------|--------------|--------------|------------------|---------------|
| Aliran Inggeris .. | 3,525 | 2,489 | 268 | 49 | 6,331 |
| Aliran Kebangsaan .. | <u>2,273</u> | <u>17</u> | <u>12</u> | <u>2</u> | <u>2,304</u> |
| Jumlah .. | <u>5,798</u> | <u>2,506</u> | <u>280</u> | <u>51</u> | <u>8,635</u> |

SABAH

SAINS

SASTERA

| | <i>Bumiputra</i> | <i>Bukan Bumiputra</i> | <i>Jumlah</i> | <i>Bumiputra</i> | <i>Bukan Bumiputra</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------|------------------|------------------------|---------------|------------------|------------------------|---------------|
| Aliran Inggeris .. | 52 | 80 | 132 | 120 | 40 | 160 |
| Aliran Kebangsaan .. | — | — | — | 77 | 3 | 80 |
| Jumlah .. | <u>52</u> | <u>80</u> | <u>132</u> | <u>197</u> | <u>43</u> | <u>240</u> |

Sarawak

SAINS

SASTERA

| | <i>Bumiputra</i> | <i>Bukan Bumiputra</i> | <i>Jumlah</i> | <i>Bumiputra</i> | <i>Bukan Bumiputra</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------|------------------|------------------------|---------------|------------------|------------------------|---------------|
| Aliran Inggeris .. | 198 | 679 | 877 | 247 | 246 | 493 |
| Aliran Kebangsaan .. | <u>37</u> | <u>—</u> | <u>37</u> | <u>80</u> | <u>—</u> | <u>80</u> |
| Jumlah .. | <u>235</u> | <u>679</u> | <u>914</u> | <u>327</u> | <u>246</u> | <u>573</u> |

TELEFON—PERMOHONAN DI SABAH/SARAWAK

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah bilangan telefon yang dipasang di Sabah dan Sarawak sehingga bulan Mei tahun 1979;
- (b) jumlah bilangan permohonan dalam senarai menunggu dan bagaimana Kementerian beliau bercadang hendak mengatasi masalah kekurangan kawat-kawat telefon; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa 'duit kopi' ada dibayar bagi pemasangan telefon, jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk memberhentikan amalan rasuah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):

(a) Sehingga bulan Mei tahun 1979 jumlah bilangan telefon yang dipasang di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

| | | |
|--------------|-----------|----------------------|
| (i) Sabah | | 18,015 talian |
| (ii) Sarawak | | 28,376 " |
| | Jumlah .. | <u>46,391 talian</u> |

(b) Jumlah bilangan permohonan dalam senarai menunggu sehingga bulan Mei, 1979 adalah seperti berikut:

| | | |
|--------------|-----------|------------------------|
| (i) Sabah | | 9,496 penunggu |
| (ii) Sarawak | | 4,655 " |
| | Jumlah .. | <u>14,151 penunggu</u> |

Jabatan Telekom sentiasa menambah bilangan talian telefon di Sabah dan Sarawak setiap tahun bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Dalam tahun 1976 pemasangan telefon di Sabah dan Sarawak adalah 5,612 talian, tahun 1977 — 7,791 talian dan tahun 1978 — 8,191 talian iaitu semuanya berjumlah 21,594 talian telah dipasang dalam jangkamasa 3 tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga.

Walau bagaimanapun disebabkan kadar pertambahan permohonan yang bertambah dengan cepat dan berlipat ganda, maka pemasangan talian-talian ini belum dapat memenuhi kehendak-kehendak pemohon. Dalam jangkamasa tiga tahun sahaja iaitu dari tahun 1976 hingga 1978 jumlah permohonan baru bagi Sabah dan Sarawak adalah 25,254.

Bagi memenuhi permintaan yang bertambah ini maka peruntukan untuk Jabatan Telekom Sabah dan Sarawak telah ditambah kepada \$267 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Pertambahan peruntukan ini akan digunakan bagi melaksanakan projek-projek menyediakan kebel-kebel dan ibusawat-ibusawat bermuatan besar. Bagi mempercepatkan kerja-kerja ini Jabatan Telekom telah menggunakan kontraktor-kontraktor bersendirian bagi memasang ibusawat-ibusawat telefon baru itu.

(c) Ahli Yang Berhormat nampaknya telah memberi bayangan yang Jabatan Telekom cuba menutupkan penyelewengan seperti meminta 'duit kopi' dalam pemasangan telefon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika difikir ada amalan-amalan rasuah, Jabatan Telekom tidak teragak-agak akan mengadakan siasatan menurut perbekalan Undang-undang. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ataupun sesiapa jua ada maklumat-maklumat tentang amalan-amalan rasuah ini seperti meminta 'duit kopi', saya suka menasihatkan supaya melaporkan kepada Kementerian ataupun Jabatan Telekom bersekali dengan detailnya. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah undang-undang rasuah negara ini sesiapa yang memberi adalah sama salah dengan orang yang menerimanya.

POINT SYSTEM BAGI PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI

28. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah persiapan yang telah diatur oleh

Kementerian berhubung dengan cadangan hendak mengadakan "POINT SYSTEM" kepada pelajar-pelajar yang hendak memasuki Universiti-universiti Tempatan dan adakah cadangan ini hendak dilaksanakan pada tahun pengajian tahun ini, dan dengan berbuat demikian, adakah boleh menguntungkan pelajar-pelajar Bumiputra atau sebaliknya.

Dato' Musa bin Hitam: "Point System" atau penggunaan sistem perkiraan markah bagi pemilihan calon-calon untuk mengikut kursus-kursus Ijazah di Universiti-universiti tempatan sudah lama dilaksanakan dan pada ketika ini ianya masih lagi berjalan. Oleh kerana keputusan HSC/STP digunakan sebagai asas kemasukan ke universiti-universiti tempatan, maka perkiraan markah adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan tersebut. Mengikut sistem perkiraan ini mata-mata yang tertentu diberikan kepada matapelajaran-mata-pelajaran HSC/STP yang diiktiraf oleh universiti mengikut perhitungan tertentu. Oleh itu lebih baik kelulusan yang dicapai oleh seseorang calon maka lebih tinggi markah yang diperolehinya.

Mengikut sistem yang dianuti sekarang, pemilihan calon-calon Bumiputra dan Bukan Bumiputra adalah dibuat secara berasingan, iaitu Bumiputra mengikut senarai merit bagi calon-calon Bumiputra dan calon-calon Bukan Bumiputra mengikut senarai merit bagi calon Bukan Bumiputra.

Saya sedar bahawa ada kekurangan-kekurangan dan kemusykilan yang berbangkit berasas kepada point system ini. Saya sendiri sedang mengkajinya dengan teliti dan bertujuan untuk menyemak semula system ini dengan tujuan mencapai hasil yang lebih adil bagi semua calon-calon, terutama sekali calon-calon yang datangnya dari sektor masyarakat kurang berada.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI KELANTAN/TRENGGANU

29. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang terakhir yang positif lagi berkesan yang akan diambil

bagi menyekat pendaratan pendatang-pendatang haram Vietnam yang kini bertambah ramai yang mendarat di pantai-pantai negeri Kelantan dan Trengganu itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Langkah-langkah terakhir yang diambil bagi menyekat pendaratan pendatang-pendatang haram Vietnam telahpun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini iaitu dengan mengambil tindakan mengusir bot-bot mereka yang cuba memasuki perairan kita atau cuba mendarat.

YEO MOUNG PENG—PEMBEBASAN

30. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Yeo Mung Peng ditahan di Kem Tahanan Khas Batu Gajah; sama ada Kerajaan berhajat membebaskan beliau memandangkan beliau telah ditahan begitu lama iaitu semenjak bulan Ogos 1968.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Yeo Mung Peng, telahpun dibebaskan dengan syarat pada 19hb Mac, 1979.

PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA KE UNIVERSITI

31. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana Kerajaan bersetuju menambah bilangan pengambilan masuk bukan-Bumiputra dalam Universiti-universiti Malaysia yang mana pengambilan tersebut sedang diproses;

- (a) sudahkah Kerajaan menentukan bilangan tambahan yang sebenarnya; dan
- (b) bilangan penuntut-penuntut bukan-Bumiputra yang akan diambil dalam tahun 1979 dan apakah pecahan bilangan mengikut bangsa dalam pengambilan tahun 1979.

Dato' Musa bin Hitam: Soalan yang serupa ini telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, pada 11-6-1979, yang mana, saya telahpun memberi jawapannya. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kembali kepada jawapan saya itu.

PENDATANG HARAM VIETNAM MENDARAT DI BACHOK

32. **Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa kalikah pendatang haram Vietnam mendarat di sepanjang pantai dalam daerah Bachok. Beri bilangan tiap-tiap kali mereka mendarat dan jumlah semuanya yang mendarat dalam daerah itu. Nyatakan berapa lamakah mereka yang mendarat itu terpaksa tinggal di Bachok baru dipindahkan ke lain-lain tempat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah pendatang haram yang mendarat di Daerah Bachok ialah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Mendarat</i> | <i>Bilangan</i> |
|--------------|----------------------------|-----------------|
| 1976 | 1 | 40 |
| 1977 | 3 | 133 |
| 1978 | 15 | 915 |
| 1979 | 25 | 2643 |
| | <u>44</u> | <u>3631</u> |

Mereka yang mendarat di daerah tersebut telah dipindahkan ke kem-kem sementara dalam masa 2 hingga 3 minggu

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKITEK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Akitek 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

PERATURAN MESYUARAT 67— MENGANTUNGKAN

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat

90, Dewan dengan ini menggantungkan Peraturan Mesyuarat 67 bagi tempoh mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang dan menggunakan pula peraturan berkaitan dengan usul mengenai anggaran pembangunan tambahan yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat untuk menimbang usul Anggaran Pembangunan Tambahan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Dewan dengan ini menggantungkan Peraturan Mesyuarat 67 bagi tempoh mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang dan menggunakan pula peraturan berkaitan dengan usul mengenai anggaran pembangunan tambahan yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat untuk menimbang usul Anggaran Pembangunan Tambahan.

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1979

3.38 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1979

peruntukan sebanyak \$105,705,702 adalah diminta diluluskan sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1979 asal dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1979 yang berjumlah sebanyak \$7,815,793,782. Dengan cadangan tambahan ini, maka jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 1979 ialah \$7,921,499,484. Dari jumlah tambahan sebanyak \$105,705,702 sebanyak \$50,705,702 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Anggaran tambahan ini adalah dicadangkan untuk menambah peruntukan-peruntukan bagi Maksud P. 31—Perbendaharaan dan Maksud P. 61—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Di bawah Maksud P. 31—Perbendaharaan, sebanyak \$55.0 juta adalah dikehendaki bagi menambah pinjaman Kerajaan kepada Bank Rakyat untuk membolehkan Bank tersebut menyusun semula struktur kewangannya kerana pinjaman sebanyak \$100 juta yang telah diberikan dalam tahun 1978 didapati tidak mencukupi.

Di bawah Maksud P. 61—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, sebanyak \$50,705,702 dikehendaki bagi menambah ekuiti Kerajaan Persekutuan di dalam Lembaga Letrik Negara. Dari jumlah ini sebanyak \$20,705,702 adalah dikehendaki sebagai bayaran gantirugi kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang atas harta benda yang diambilalih oleh Lembaga Letrik Negara.

Keterangan mengenai Anggaran Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih yang bertajuk "Kedudukan Bank Rakyat" yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1979 dalam Dewan ini, Bank Rakyat mengalami kerugian tertimbun berjumlah \$65.23 juta pada 31hb Disember, 1975. Hutang-hutang dan tanggungan-tanggungan pada tarikh tersebut berjumlah \$190.653 juta sementara harta-hartanya pula berjumlah \$142.657 juta sahaja. Dengan itu, hutang-hutang dan tanggungan-tanggungan

Bank Rakyat melebihi hartanya sebanyak \$47.996 juta. Kedudukan kewangan yang buruk ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama seperti berikut:

- (a) Pengurusan Bank Rakyat telah tidak diasaskan kepada beberapa kriteria yang biasa dipakai oleh sebuah badan perniagaan yang baik dan sempurna;
- (b) Bank Rakyat telah melanggar kehendak-kehendak Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948 dan juga undang-undang kecilnya sendiri.

Di samping itu, Bank Rakyat mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu yang telah menyebabkan kemerosotan pengurusan Bank tersebut. Dari laporan penyiasatan firma Price Waterhouse & Co., sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Putih, bolehlah dikatakan bahawa fakta-fakta utama yang menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh Bank Rakyat, secara langsung atau tidak, hingga 31hb Disember 1975 adalah kerana penyelewengan pihak Pengurusan yang tidak bertanggungjawab dan oleh kerana tidak mempunyai perancangan yang baik dan pengawasan serta kawalan yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat telah berada di dalam keadaan di mana kumpulanwang jangka pendek yang terdiri kebanyakannya dari wang-wang simpanan telah digunakan untuk pelaburan jangka panjang. Bagi membetulkan keadaan yang tidak memuaskan ini, adalah difikirkan bahawa Bank Rakyat patut mempunyai sekurang-kurangnya nisbah 1:1 di antara kumpulanwang jangka panjang dan pelaburan jangka panjangnya. Ini bermakna jumlah kumpulanwang jangka panjang mestilah sekurang-kurangnya sama dengan pelaburan jangka panjang dan tidak sepatutnya berkurangan.

Keperluan pelaburan jangka panjang Bank Rakyat berjumlah \$150 juta. Ini terdiri daripada \$36 juta bagi pelaburan dalam harta-harta tetap dan \$114 juta bagi pelaburan dalam anak-anak syarikat. Malangnya Bank Rakyat tidak mempunyai kumpulanwang jangka panjang malahan kumpulanwang jangka panjangnya adalah negatif sebanyak \$5 juta. Dengan ini bermakna, untuk membiayai keperluan

pelaburan jangka panjang tersebut dan untuk menampung kekurangan kumpulanwang jangka panjang yang negatif itu, wang berjumlah \$155 juta adalah diperlukan. Sebelum itu, Bank Rakyat terpaksa menggunakan kumpulanwang jangka pendek yang terdiri dari wang akaun tabungan dan deposit tetap iaitu wang yang disimpan oleh orang ramai dalam bank tersebut. Untuk membetulkan struktur kewangan dan juga untuk mencapai nisbah 1:1 yang dicadangkan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pinjaman yang berjumlah \$155 juta itu Kerajaan terpaksa memberi pinjaman sejumlah ini oleh kerana memandangkan kepada kedudukan kewangan Bank Rakyat yang buruk itu. Adalah mustahil bagi Bank Rakyat memperbaiki struktur kewangan yang buruk itu dan dengan jumlah wang yang banyak yang diperlukan itu, tidak mungkin ahli-ahli Bank Rakyat dapat mengumpul wang sebegitu banyak untuk menambah sumbangan mereka bagi menyelamatkan syarikat mereka.

Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi bantuan kewangan kepada Bank Rakyat memandangkan bahawa Bank Rakyat adalah merupakan sebuah koperasi yang terbesar di negara ini jika dipandang dari segi jumlah harta-harta dan bilangan ahli yang terlibat di dalamnya sama ada ahli perseorangan atau melalui keahlian koperasi-koperasi. Sebahagian besar daripada ahli-ahlinya adalah terdiri dari rakyat luar bandar seperti petani-petani, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga kecil, guru-guru dan kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai rendah Kerajaan. Mereka telah memberi kepercayaan yang penuh terhadap pengurusan bank. Mereka semata-mata bergantung atas kepercayaan ini oleh kerana mereka sendiri tidak begitu faham dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam hal ehwal pengurusan perniagaan dan kewangan. Oleh itu Kerajaan berasa bertanggungjawab untuk memberi bantuan kewangan sepenuhnya kepada Bank Rakyat bagi mengekalkan kepercayaan yang telah diberikan oleh ahli-ahlinya kepada Bank tersebut. Kerajaan juga merasa bertanggungjawab untuk membantu Bank Rakyat supaya berkembang menjadi sebuah institusi koperasi yang kuat dan menguntungkan. Oleh kerana itu, Kerajaan berkewajipan

memelihara kepentingan-kepentingan ahli-ahli Bank Rakyat dengan menentukan bahawa pelaburan mereka dalam Bank tersebut selamat dan dapat memberi keuntungan yang berpatutan.

Untuk menentukan kedudukan Bank Rakyat akan dipulih semula dan berjalan mengikut lunas-lunas dan prinsip pengurusan syarikat koperasi yang sewajarnya, Kerajaan telahpun mengambil beberapa tindakan yang tegas seperti berikut:

- (i) memberi jaminan kepada penyimpan-pemimpan wang bahawa simpanan mereka dijamin selamat oleh Kerajaan;
- (ii) Memberi pinjaman segera untuk menyelamatkan Bank Rakyat oleh kerana menghadapi kegentingan kewangan;
- (iii) Mengadakan suatu undang-undang yang dinamakan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 untuk membolehkan Kerajaan mengawasi dan mengawal pengurusan dan pentadbiran Bank Rakyat.

Langkah-langkah ini adalah diambil untuk menyelamatkan Bank Rakyat. Menerusi Akta baru, kawalan rapi boleh diadakan terhadap perjalanan syarikat tersebut. Selepas Akta itu dikuatkuasakan, struktur pengurusan syarikat tersebut telah disusun semula dan modal setengah-setengah anak syarikat Bank Rakyat juga telah disusun semula.

Dengan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, Kerajaan yakin dan percaya bahawa kedudukan Bank Rakyat dapat dipulihkan dan dimajukan sebagai sebuah institusi koperasi yang sihat dan teguh. Langkah-langkah ini akan dapat memelihara kepentingan ahli-ahli syarikat tersebut dan akan dapat memulih kepercayaan orang ramai terhadap Bank Rakyat. Dengan itu, syarikat ini akan dapat memainkan peranannya bagi membantu dan memperbaiki taraf sosio-ekonomi rakyat terutamanya rakyat luar bandar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 6hb September, 1975 Bank Rakyat telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke 19 dan

telah membentangkan akaun-akaun bagi tahun 1973 dan 1974 sungguhpun belum lagi diluluskan oleh Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama. Perbuatan ini telah menyebabkan timbulnya perasaan curiga dan syak di kalangan ahli-ahli Bank Rakyat yang mengakibatkan kurangnya keyakinan ahli-ahli terhadap pengurusan Bank Rakyat. Oleh hal yang demikian, Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama telah mengadakan satu penyiasatan di bawah Seksyen 37(1) Ordinan Syarikat Kerjasama 1948.

Untuk mengelak timbulnya satu keadaan di mana Ahli-ahli dan penyimpan-penyimpan Bank mengeluarkan wang secara beramai-ramai dari Bank Rakyat, Kerajaan telah mengeluarkan satu jaminan bahawa wang ahli-ahli dan penyimpan-penyimpan di dalam Bank Rakyat terselamat. Salah satu daripada syarat-syarat jaminan yang diberi oleh Kerajaan itu ialah untuk Jemaah Pengarah Bank Rakyat melantik sebuah firma jurukira untuk menyiasat dan menyelidik akaun-akaun Bank Rakyat pada 31hb Disember, 1975 dengan tujuan untuk mendapat kedudukan yang sebenar mengenai Bank Rakyat.

Price Waterhouse & Co., firma jurukira yang telah dilantik oleh Bank Rakyat di dalam laporan awalnya pada 13hb September, 1976 dan 28hb Disember, 1976 telah menyatakan antara lain bahawa Bank Rakyat pada ketika itu sedang mengalami masalah-masalah kewangan yang genting dan memerlukan bantuan kewangan segera tidak kurang dari \$100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Dewan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak \$100 juta dan Kerajaan telahpun menggunakan jumlah itu sebagai pinjaman kepada Bank Rakyat iaitu \$47.4 juta pada 6hb April, 1978 dan \$52.6 juta pada 29hb Disember, 1978. Daripada jumlah pinjaman pertama iaitu sebanyak \$47.4 juta, sebanyak \$31.9 juta adalah bagi menggantikan wang pertaruhan penyimpan-penyimpan di Bank tersebut yang telah digunakan untuk membiayai keperluan harta-harta tetap Bank tersebut terutamanya pembinaan bangunan Ibu pejabat Bank Rakyat di Kuala Lumpur dan bangunan-bangunan pejabat-pejabat cawangannya. Bakinya sebanyak \$15.5 juta juga digunakan bagi menggantikan wang yang

disimpan di Bank tersebut yang telah diguna untuk dilabur sebagai modal bank dalam anak-anak syarikat.

Bagi pinjaman kedua pula, dari jumlah \$52.6 juta itu, sebanyak \$2.75 juta terpaksa digunakan untuk mengganti wang simpanan orang ramai di Bank tersebut yang telah juga digunakan sebagai modal dalam anak-anak syarikat dan sebanyak \$44.85 juta bagi menggantikan wang simpanan yang telah diberikan sebagai pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat Bank Rakyat. Langkah-langkah ini terpaksa dibuat oleh kerana wang simpanan orang ramai tidak sepatutnya digunakan sebagai pelaburan jangka panjang. Bank Rakyat sepatutnya menggunakan modal dan keuntungannya sahaja untuk membuat pelaburan jangka panjang tetapi oleh kerana syarikat ini pada masa itu tidak mempunyai wang yang cukup, maka ia telah menggunakan wang simpanan orang ramai bagi maksud ini. Ini telah menyebabkan syarikat tersebut menghadapi masalah aliran kewangan yang tidak sihat. Kedudukan wang Bank Rakyat pada masa itu telah bertambah mendesak apabila ada di antara penyimpan-penyimpan wang dalam Bank tersebut telah bertindak untuk mengambil balik wang simpanan mereka sehingga Kerajaan terpaksa memberi jaminan bahawa simpanan mereka adalah selamat dan terjamin. Sungguhpun demikian, keadaan kewangan Bank Rakyat terus merunsingkan sehingga Kerajaan terpaksa memberi pinjaman kepada Bank tersebut untuk memperbaiki keadaan yang buruk itu. Di samping itu, sebanyak \$5 juta adalah diperlukan bagi menampung kekurangan dalam kumpulanwang jangka panjang Bank tersebut.

Sekarang Dewan diminta meluluskan pinjaman sebanyak \$55 juta. Jumlah ini juga akan digunakan bagi menggantikan wang simpanan orang ramai yang telah digunakan oleh Bank tersebut iaitu sebanyak \$4.1 juta bagi membiayai pelaburan dalam harta tetap dan \$50.9 juta bagi membiayai pelaburan dalam anak-anak syarikatnya.

Berdasarkan kepada laporan yang diterima, Kerajaan berpuashati bahawa dengan penyusunan semula Bank Rakyat yang akan dikawal di bawah Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978, jumlah yang diberi oleh Kerajaan dan

jumlah yang dipohon yang berjumlah \$55 juta ini akan digunakan untuk memulihkan syarikat itu dengan baik dan adalah diharapkan di bawah pengurusan baru Bank Rakyat akan memperolehi kemajuan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang terbuka untuk perbincangan.

Dan sebelum saya menjemput salah seorang Ahli Yang Berhormat memulakan perbincangan ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat. Mengikut Peraturan Mesyuarat 67 perbincangan atas Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) ini ialah satu hari untuk membahaskan perkara dasar am, dan dua hari untuk di dalam Jawatankuasa.

Tetapi oleh kerana Dewan ini baharu sebentar tadi meluluskan satu Usul untuk menggantungkan Peraturan Mesyuarat 67 dan oleh sebab hanya ada dua sahaja Kepala Perbelanjaan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua ini, maka saya akan benarkan seluruh hari ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian bercakap atas perkara-perkara dasar am dan esok saya akan minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawabnya. Dan sebelum daripada itu, saya akan minta Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawabnya, kerana Bank Rakyat ini adalah di bawah bidang kawalan dan kekuasaannya. Jadi, seluruh hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bolehlah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.56 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian

di dalam perbincangan ini, saya meminta nasihat ataupun guidance oleh kerana apabila Peraturan Mesyuarat digantung, saya tidak ada di dalam Dewan dan guidance yang saya minta ialah oleh kerana ada peraturan yang baharu untuk perbincangan ini dan oleh kerana saya telah kemukakan satu pindaan yang hendak dibentangkan di dalam peringkat Jawatankuasa sama ada perlu saya kemukakan lagi sekali pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah terima Pemberitahu pindaan kepada Usul ini dalam Jawatankuasa dan saya akan benarkan hari esok.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya mahu memuji pihak Kerajaan yang telah membentangkan Kertas Putih dan Laporan Price Waterhouse mengenai Bank Rakyat untuk dikaji dan diteliti oleh Dewan yang mulia ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh faham sama ada permintaan untuk memperuntukkan satu lagi angka \$50 juta perlu dan sama ada berasas atau tidak berasas. Sesungguhnya saya mahu kata bahawa oleh kerana laporan itu begitu tebal dan begitu kompleks masa yang kita ada sebenarnya tidak cukup untuk meneliti perkara-perkara dalam Laporan khususnya Laporan Price Waterhouse.

Apabila saya membaca Kertas Putih Kerajaan mengenai Bank Rakyat dan Laporan Price Waterhouse mengenai Bank Rakyat yang memberikan gambaran yang lebih lanjut akan bank tersebut, saya teringat akan apa yang dikatakan oleh Hakim Besar, Yang Ariff Tan Sri Raja Azlan Shah dalam keputusannya ketika mendapati bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris bersalah kerana rasuah dalam kes Hong Kong and Shanghai Bank Incorporation bahawa kes tersebut menunjukkan: "A frightening decay in integrity of some of our leaders. . ."

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak quote, kena minta izin.

Tuan Lim Kit Siang: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua. Dan beliau menambah satu perenggan sahaja dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) It has given horrible illustrations of Lord Acton's aphorism, "Power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely". And he had focused concern on the need of some avowed limitations upon political authority.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih Kerajaan itu dan lebih dahsyat lagi ialah Laporan Price Waterhouse yang memberi satu gambaran buruk tentang amalan yang salah atau malpractices, salah pengurusan dan penyalahgunaan wang dan amanah rakyat yang menyebabkan Bank Rakyat mengalami kerugian sebanyak \$65,233 juta setakat 31hb Disember, 1975. Sungguhpun terdapat usah-usaha yang dijalankan untuk menyembuhi kerugian-kerugian tersebut dengan manipulations akaun-akaun bank tersebut oleh Bank Rakyat supaya menunjukkan yang bank tersebut telah memperolehi keuntungan, umpamanya dengan ambilkira bayaran-bayaran pengurusan (management charges) berjuta-juta ringgit sebagai pendapatan bank tersebut sungguhpun tiada apa-apa asas untuk berbuat demikian.

Pengkhianatan (betrayal) yang dilakukan oleh Bank Rakyat terutama sekali terhadap 27,314 orang ahli-ahlinya serta 1,000 orang ahli-ahli koperasi hendaklah didedah dan dikecam tanpa belas kasihan kerana ianya merupakan salah satu pengkhianatan besar Dasar Ekonomi Baru terutama sekali apabila kita mengambil ingatan bahawa ahli-ahli bank tersebut datangnya dari golongan berpendapatan rendah yang terdiri dari petani-petani, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga kecil dan pegawai-pegawai Kerajaan berpangkat rendah. Bank Rakyat merupakan satu contoh ketara bagaimana orang-orang yang berkuasa boleh mencipta kekayaan yang berjuta-juta dengan sekelip mata, bukan sahaja untuk diri mereka bahkan juga untuk saudara-mara serta sahabat-sahabat handai mereka.

Umpamanya menurut Perenggan 2.12 Laporan Akhir Price Waterhouse, Bank Rakyat telah memajukan dalam tahun 1973 sebanyak \$570,238 kepada Encik Abdul Aziz bin Haji Idris, yang saya dapat tahu beliau adalah abang kepada Datuk Harun Idris dan Encik Mohd. Noor bin Mohamed bagi tujuan membeli tiga bidang tanah berharga \$570,238. Kemudian Bank Rakyat telah membeli tiga

bidang tanah tersebut dari Encik Abdul Aziz dan Encik Mohd. Noor dengan harga \$571,006 dengan meninggalkan kedua-dua mereka dengan keuntungan sebanyak \$180,768 tanpa mereka membelanjakan satu sen pun atau satu transaction yang dibiayai penuh oleh Bank Rakyat.

Satu lagi sebuah projek perumahan di Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah, Rakyat Corporation Sendirian Berhad sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Bank Rakyat telah membeli sebidang tanah di Sungai Petani dengan harga \$435,149 pada 3hb Ogos, 1973 dari tuannya yang berdaftar tanah tersebut Chen Teck Yen *alias* Ching Tee Lian dan How See Foon yang mana kedua-dua orang ini baru sahaja membeli tanah tersebut pada 28hb Jun, 1973 iaitu cuma enam minggu sebelum tanah berkenaan dibeli oleh Bank Rakyat atau Rakyat Corporation dengan harga sebanyak \$110,000. Ini bermakna dalam tempoh enam minggu sahaja kedua-dua tuan-tuannya tersebut yang cuma membeli tanah tersebut enam minggu dahulu telah berjaya memperolehi keuntungan sebanyak \$325,149. Apa yang mencurigai ialah bahawa pada 27hb Jun, 1973 Pengurus Bank Rakyat, Cawangan Sungai Petani ada menulis surat kepada General Manager Bank Rakyat mengenai pembelian tanah itu dan selepas Mesyuarat Pengarah-pengarah pada 7hb Julai, 1973 untuk membeli tanah ini barulah ditukar nama, hakmilik kepada kedua-dua Chen Teck Yen dan How See Foon pada 18hb Julai, 1973. Ertinya bahawa sebelum dimulakan usah-usaha untuk membeli tanah itu kedua orang yang membeli dengan harga yang rendah sudah tahu dan dijual kepada Bank Rakyat. Tetapi tidak ada disebutkan apa-apa tindakan dari pihak Polis atau sama ada dimula atau diambil, dan Laporan Price Waterhouse boleh dikatakan ada keys, ada banyak contoh-contoh salah mismanagement, salah practices dan contoh-contoh yang tidak ikhlas, tidak jujur.

Dalam satu scale yang sangat besar yang raksaksa, nampaknya dalam kes-kes ini transaction Bank Rakyat dijalankan untuk keuntungan individu-individu dan bukan untuk keuntungan bank atau ahli-ahli bank.

Misalnya kita baca bahawa Bank Rakyat atau anak-anak Syarikat Bank Rakyat

membeli syarikat-syarikat yang mengakibatkan kerugian kepada Bank Rakyat. Sungguhpun individu-individu dapat keuntungan dan akhirnya antara 10 subsidiaries ini Bank Rakyat sudah dapat kerugian \$37.948 juta.

Dasar-dasar pinjaman Bank Rakyat boleh dikatakan satu dasar yang tidak bertanggungjawab di mana pegawai-pegawai bank ada personal interest dan di dalam membenarkan pemohon-pemohon pinjaman ini, ada satu kes di mana credit controller bank ini tanggungjawabnya untuk appraise pinjaman-pinjaman untuk kelulusan dan dapat pembayaran sendiri, dapat satu pinjaman atas nama seorang saudara-mara dan yang nyata dalam Kertas Putih bahawa Managing-Director Abu Mansor bin Basir, Credit Controller Kahiruddin bin Musa dan pegawai-pegawai lain termasuk Mazlan bin Datuk Harun dan Jalaluddin bin Jalil menjalankan operasi-operasi pinjaman Bank Rakyat tanpa menghiraukan peraturan-peraturan atau procedure-procedure yang established.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Mesyuarat*)

Kita mendapat tahu bahawa Price Waterhouse ada menulis surat kepada semua orang yang berhutang kepada Bank Rakyat di cawangan Alor Setar, Bagan Serai, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru, Kuantan dan Kota Bharu dan pungutan-pungutan yang besar untuk menentukan mengenai keadaan hutang mereka pada 31hb Disember, 1975 dan pinjaman-pinjaman yang dicircularisekan sehingga berjumlah \$48,976,654 daripada total branch loan yang berjumlah \$52,481,935 dan mewakili 5,514 buah akaun barulah 2,406 loan debtors ada memberi jawapan kepada Price Waterhouse dan tidak ada apa-apa jawapan langsung yang diterima daripada saki-baki 3,108 loan debtors yang berhutang berjumlah \$30,916,913.

Senarai-senarai loan defaulters mereka yang tidak membayar, loan defaulters Bank Rakyat nampaknya terdiri dari satu senarai roll call UMNO dan termasuk Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Encik Mohd. Adib bin Adam yang mempunyai tempat yang honoured dalam senarai ini yang nampaknya satu loan defaulter dalam Bank Rakyat Cawangan Kuala Lumpur yang berhutang dengan Bank

Rakyat sehingga akhir tahun 1973 berjumlah \$357,839 dan pada bulan Jun, 1977. Angka ini sudah meningkat naik ke \$414,826 dan saya tidak mahu sebut lain-lain nama roll call UMNO dalam senarai-senarai orang yang berhutang yang termasuk jumlah-jumlah yang akan di written off. Sungguhpun dalam 'remarks' column ada disebut bahawa pinjaman Ketua Menteri Melaka, Mohd. Adib Adam sudah "restructured", saya tidak tahu apa erti loan restructured ini sungguhpun nampaknya ini instance yang sangat luar biasa dalam Laporan Price Waterhouse yang ada sebut bahawa loan ada "restructured" tetapi nampaknya ada begitu banyak pinjaman-pinjaman yang outstanding pada 31hb Disember, 1975 yang apabila datang 31hb tahun 1977 angka yang merekod hutang lebih tinggi. Ertinya ialah mereka tidak bayar dalam tempoh ini atau apa yang mereka bayar tak cukup untuk bayar bunga itu yang akhir akibatnya sekarang kita dapat tahu bahawa Bank Rakyat akan write off, doubtful loan dan bad loan \$19.391 juta.

Sungguhpun saya memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertanian untuk membenteng Kertas Putih ini mengenai Bank Rakyat, saya rasa sangat fortuitous bahawa kita ada satu investigation dalam kes Bank Rakyat yang mendedahkan salahguna kuasa dan juga mismanagement wang rakyat. Kita semua tahu bahawa penyiasatan Bank Rakyat ini ialah satu akibat daripada satu power struggle dalam pimpinan-pimpinan UMNO pada tahun 1974 dan 1975 dan kalau tidak berlaku power struggle dalam peringkat tinggi pimpinan UMNO, peringkat nasional, tentulah perkara semacam Bank Rakyat pun ada kerugian \$65 juta akan ditutup, hushed up.

Kita semua tahu bahawa Bank Rakyat sebenarnya satu alat politik tetapi sungguhpun ada akibat (result) yang baik yang semua rakyat yang cinta negara kita mahu satu Kerajaan yang bersih tetapi kita ada hak untuk bertanya kenapa kita mahu tunggu sehingga seorang pemimpin politik, pemimpin UMNO gaduh dan fall out dengan pimpinan kebangsaan UMNO barulah ada siasatan. Semua lain-lain kes mana ada siasatan, adakah lagi kalau mahu berlaku, mahu tunggu lagi satu power struggle. Kita tengok

siapa fall out by the wayside. Ini saya rasa tidak selaras dengan kepentingan negara kita.

Apa yang kita sangat kluatir, membimbangkan kita ialah apabila saya baca Kertas Putih Bank Rakyat satu tanda soalan ialah apa yang dilaporkan contoh-contoh salahguna kuasa, salahguna wang rakyat untuk mengkayakan diri sendiri sebenarnya sangat biasa sungguhpun salah, sungguhpun tidak terima, sungguhpun rasuah tetapi dalam Malaysia sangat biasa, yang berlaku pun dalam badan-badan tertentu lain. Apa yang mustahak bukan sahaja kita mendedahkan dan kecam perkara Bank Rakyat, scandal Bank Rakyat tetapi ambil tindakan supaya tidak ada scandal semacam Bank Rakyat, scandal dalam badan-badan Kerajaan lain, public enterprise, public companies, MARA, UDA, PERNAS, Bank Bumiputra, PETRONAS dan lain-lain.

Oleh kerana tadi saya ada kata apa pegawai-pegawai Bank Rakyat buat salah, tetapi apa mereka buat bukan sangat anih. 5 tahun dahulu Bank Bumiputra beri pinjaman \$2 juta kepada seorang Timbalan Menteri untuk beli saham, apa bukan salahguna kuasa, bukan abuse of public funds? Adakah siapa yang berani cakap, saya cakap palsu? Kalau mahu, saya pun boleh sebutkan nama orang yang bertanggungjawab dalam Dewan ini. Bank Rakyat dedah, baik kita puji, kita sambut—baik, apa yang salah mesti didedah, mesti dibetulkan tetapi kita tidak mahu bank lain, perkara Bank Rakyat berlaku, terus berlaku dalam Bank Bumiputra, PERNAS, UDA, MARA dan badan-badan lain dan kita menyeru Kerajaan supaya mengadakan satu siasatan yang umum terhadap semua badan-badan Kerajaan.

Ada satu Price Waterhouse Investigation untuk lain-lain public enterprises dan public companies, public enquiry untuk mencegah, untuk weed out perkara-perkara semacam ini. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Ipoh kata SEDC benar. Apa yang kita baca dalam ini berlaku dalam SEDC (PKEN) di negara kita. Apa yang berlaku? Hari ini beli tanah, besok jual kepada SEDC, jual kepada badan lain dengan untung seratus, dua ratus, tiga ratus peratus. Kalau dalam Bank Rakyat ini adalah salah, dalam lain badan pun salah atau kita ada dua standard. Kalau lawan pimpinan

politik, salah; tak lawan, boleh terus jalan—makan.

Dalam Dewan ini kita ada dengar mengenai saboteurs capai Dasar Ekonomi Baru, orang yang mahu sabotage Dasar Ekonomi Baru dan saya kata orang yang sebenarnya grand saboteurs Dasar Ekonomi Baru ialah pegawai-pegawai, tokoh-tokoh politik dalam badan-badan semacam Bank Rakyat dan lain-lain badan yang masih ada yang sebenarnya guna kedudukan mereka untuk menjadi kaya dan jutawan. Mereka sebenarnya grand saboteurs, bukan lain-lain orang sebut, dan kenapa tidak ada tindakan diambil untuk tangkap kereka. Saya tak tahu sama ada dalam Dewan inipun ada orang yang dalam kategori ini—mungkin ada. Itulah sebenarnya grand saboteurs, the great saboteurs guna memperalatkan Dasar Ekonomi Baru untuk sabotage Dasar Ekonomi Baru. Apa yang saya faham Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan, untuk menyusun semula supaya masses boleh untung, bukan segelintir orang dapat kaya. Kalau inipun tujuan Dasar Ekonomi Baru, apa yang saya faham kita mesti lancar satu kempen untuk weed out the grand saboteurs yang lurking dalam pucuk pimpinan badan-badan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya tidak faham dan saya harap bahawa Menteri Pertanian boleh memberi keterangan apabila beliau menggulung ialah kenapa dalam Terms of Reference asal (original) Price Waterhouse mereka bertanggungjawab buat satu siasatan untuk tahun 1975 dan pun untuk tempoh sampai kalau tidak silap akhir bulan Mac atau akhir bulan April, 1976. Kenapa Terms of Reference ini untuk tempoh ada ditukar dan Price Waterhouse barulah buat satu odit atau buat satu penyiasatan untuk tahun 1975 dan tidak termasuk tiga atau empat bulan dalam tahun 1976 dalam resolusi yang pertama untuk menjemput Bank Rakyat siasat Terms of Reference.

Saya tidak mahu sebut apa yang saya akan kemukakan dalam peringkat Jawatankuasa (Committee) ini di mana saya ada beri notis, saya akan kemukakan satu pindaan kepada permintaan peruntukan \$55 juta dikurangkan dengan \$82,500 satu angka yang unauthorised donation kepada UMNO Selangor yang akibat daripada satu Fixed Deposit Kerajaan

Selangor ada taruh dalam Bank Rakyat dengan mendapat 4% interest khas untuk UMNO Selangor, tetapi saya harap mungkin esok tidak payahlah saya kemukakan pindaan ini kalau Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengemukakan usul ini yang nampaknya tidak ada di sini, atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat satu pengumuman bahawa UMNO selangor atau UMNO yang akhirnya bertanggungjawab akan membayar balik \$82,500 yang unauthorised donation kepada UMNO Selangor.

Oleh kerana tadi saya ada menyebut apa yang dikatakan oleh Hakim Besar bahawa nampaknya di negara kita ada frightening decay in integrity of some of our leaders dan itu termasuk parti-parti politik. Kita sentiasa dengar bahawa parti-parti politik khususnya UMNO, tulang belakang (backbone) Kerajaan dan kalau backbone Kerajaan kita mahu nampak bahawa UMNO ada political integrity, tidak ada apa-apa sebab \$82,500 yang diberi oleh Bank Rakyat kepada UMNO Selangor atas wang Kerajaan Selangor ialah wang rakyat, bukan wang UMNO Selangor tidak dibayar balik kepada UMNO atau kepada Bank Rakyat. Saya sebut hal ini supaya dalam jawapan, saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Menteri Pertanian bagi pihak Kerajaan boleh buat satu pengumuman untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa bukan sahaja tokoh-tokoh pemimpin tetapi juga parti politik mesti ada political integrity dan political honesty dan angka ini yang didapati oleh UMNO Selangor yang akhirnya UMNO yang bertanggungjawab tak patut ialah satu angka yang mesti dibayar balik dan kalau UMNO Selangor dan UMNO tidak boleh buat begitu, satu hukuman rakyat ialah bahawa UMNO Selangor dan UMNO akhirnya tidak ada political integrity dan tidak ada political honesty.

Dalam Kertas Putih mengenai Bank Rakyat, kita dapat tahu bahawa Pendaftar Co-operative Societies tidak meluluskan akaun-akaun Bank Rakyat tahun 1972, tahun 1973 dan tahun 1974. Saya rasa apa yang berlaku dalam Bank Rakyat ini pun satu kelalaian Pendaftar Koperatif, satu negligence Pendaftar Koperatif, satu tanggungjawab Menteri

Pertanian bukan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang ada sekarang, tetapi masa itu, tidak tahulah siapa Menteri Pertanian masa itu dan ini adalah satu tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional dan apa yang berlaku dalam Bank Rakyat sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional mahu bertanggungjawab bukan sahaja menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan Bank Rakyat, tetapi ambil sikap-sikap yang bertanggungjawab termasuk membayar balik daripada UMNO Selangor \$82,500.

Sangat nyata bahawa dalam White Paper dan Price Waterhouse Report pun ada berlaku satu negligence yang sangat serius oleh syarikat-syarikat Auditors Bank Rakyat yang boleh membenarkan keadaan begitu serius berlaku. Saya tidak tahu apa sikap tindakan pihak Kerajaan sudah ambil tetapi saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu keterangan lagi oleh kerana saya percaya kalau di lain-lain negara mungkin langkah yang pertama diambil ialah langkah terhadap firma-firma Auditors ini oleh kerana tanggungjawab firma-firma Auditors ini pun sangat berat, tetapi oleh kerana kita dalam peringkat-peringkat dasar dan bukan peringkat detail-detail yang mungkin esok kita boleh bincang dengan lebih detail, saya rasa satu masalah yang pokok dalam membincangkan dasar-dasar yang timbul daripada perkara Bank Rakyat ialah prinsip accountability mengenai badan-badan yang menggunakan, yang belanja beratus-ratus juta ringgit kepada rakyat Malaysia.

Saya nampak bahawa tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak begitu jelas, ada satu fahaman mengenai prinsip accountability.

Contohnya tidak lama dahulu Menteri Perusahaan Awam ada berkata bahawa prinsip accountability ialah badan-badan ini bertanggungjawab (accountable) kepada Parlimen tetapi tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Saya tidak tahu apa prinsip ini.

Kedua, dalam Parlimen kita tidak ada jentera, kita tidak ada cara yang sempurna untuk menjaga bahawa badan-badan Kerajaan baikpun salahguna kuasa atau salahguna wang, apabila rugi beratus juta ringgit, barulah datang ke Parlimen minta kelulusan \$100 juta, \$200 juta untuk

selamatkan badan itu. Kalau ada kita menjalankan prinsip accountability yang cekap di mana tahun-tahun atau apa-apa kita boleh dapat satu laporan atau ada jentera untuk menyiasat, mungkin perkara semacam Bank Rakyat ini tidak berlaku sampai peringkat ini.

Saya mahu bertanya, kenapa sekarang badan-badan lain, seperti UDA, MARA pun ada macam ini, PERNAS dan lain-lain prinsip accountability masih tidak diterima oleh pihak Kerajaan dan selama prinsip accountability tidak diterima oleh pihak Kerajaan, tidak akan nampak lebih perkara-perkara Bank Rakyat berlaku. Inilah beberapa points yang saya mahu sebut dalam peringkat ini dan saya harap esok dalam Jawatankuasa kita boleh bincang lebih detail mengenai apa yang berlaku tetapi saya harap tak payah saya kemukakan pindaan saya untuk mengurangkan peruntukan yang diminta dengan \$82,500 supaya wang itu dibayar. Ini bayaran yang dikatakan oleh United States Securities and Exchange Commission mengenai pembelian Grumma jet, unwarranted, unjustified and improper. Kalau unwarranted, improper, unjustified—pay back, kalau tak mahu, tidak ada moral authority untuk berdiri di sini untuk bercakap.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan terhadap usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Di samping itu suka saya mengambil kesempatan untuk menyokong pandangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih mengenai Bank Rakyat telah membongkarkan satu kegagalan yang memberi malu besar berkenaan penyelewengan salahguna wang rakyat, salah tadbir, korupsi dan kegagalan tanggungjawab untuk menjelaskan keadaan yang benar di dalam urusan-urusan Bank Rakyat. Pembentangan Kertas Putih mengenai penyelewengan Bank Rakyat ini telah lama ditunggu dan boleh disifatkan sebagai langkah yang wajar dan sangat sesuai diambil. Sungguhpun tindakan Kerajaan

untuk menyiasat kegiatan Bank Rakyat dan mengumumkan hasilnya patut dipuji oleh semua pihak yang mahu melihat sebuah Kerajaan yang bersih dan berdisiplin, tetapi apa yang mustahak ialah seperti yang telah disebutkan oleh wakil dari Petaling iaitu selain dari Bank Rakyat mungkin terdapat banyak badan-badan perusahaan awam atau public enterprises yang lain yang ada dalam keadaan yang sama dengan Bank Rakyat dan patutlah diasiasat. Dalam perkataan yang lain, mungkin terdapat banyak badan-badan perusahaan awam yang lain di mana ada berlaku kes penyelewengan dan salah tadbir dan patut dibongkar untuk makluman orang ramai. Masalahnya sekarang ialah sama ada Kerajaan mempunyai keazaman politik (political determination) dan berani bertindak untuk membongkar kegiatan-kegiatan badan-badan lain selain dari Bank Rakyat ini. Ini adalah satu perkara yang amat mustahak oleh kerana sama ada Kerajaan dapat atau tidak mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru akan bergantung kepada fungsi dan tugas badan-badan awam di negara kita. Pembongkaran kegiatan Bank Rakyat telah dengan jelasnya membuktikan penyalahgunaan amanah dan pengurusan yang tidak betul mengenai penggunaan wang orang ramai.

Perkara yang anih yang juga telah disebutkan oleh wakil dari Petaling ialah bagaimana wang Bank Rakyat dibenarkan oleh Kerajaan untuk melakukan penyelewengan secara besar-besaran dan pengurusan yang tidak betul begitu lama iaitu sehingga akhir 1975 apabila ia menghadapi kehilangan yang besar berjumlah \$65.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih ini juga menunjukkan bukan sahaja penyelewengan dan pengurusan yang tidak betul tetapi juga pembaziran wang pembayar cukai. Bukti-bukti yang terdapat dalam Kertas Putih menunjukkan bahawa urusan-urusan Bank Rakyat dijalankan oleh Pengerusi dan Pengarah Pengurusan (Managing Director) seolah-olah bank ini adalah sebuah company diri sendiri. Akibatnya aturan-aturan biasa tidak diikuti dan terdapat kekurangan pengawalan dan penyeliaan yang teruk mengenai operasi-operasi pinjaman dan masalah ini diburukkan lagi oleh kelemahan Odit Dalam Ibu Pejabat.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca dalam Dewan ini satu surat yang saya terima bertarikh 24hb November, 1978 yang ditulis oleh seorang penyimpan wang Bank Rakyat. Saya harap dapat izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, surat itu apa kaitannya dengan perkara ini?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, ada berkaitan dengan perkara yang saya bincangkan sekarang. Surat ini ada menyatakan mengenai penyelewengan Bank Rakyat. Surat ini berbunyi:

“Jika sungguh di sini saya ingin kemukakan adanya penyelewengan, diskriminasi dan pilih kasih yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Bank Rakyat Cawangan Pontian, khususnya mengenai layanan-layanan pinjaman antara pelanggan-pelanggannya baru-baru ini saya ada membuat pinjaman sebanyak \$1,500 menerusi Perkhidmatan Pinjaman Perseorangan di mana saya telah menyandarkan nilai saham saya dalam jumlah yang sama dengan pinjaman tersebut dan menyediakan dua orang penjamin, masing-masing mempunyai kedudukan kewangan yang agak tegap. Mengikuti pinjaman tersebut sejumlah faedah untuk selama 12 bulan telah ditolak lebih awal dan bakinya barulah diserahkan kepada saya iaitu sebanyak \$1,300 tetapi atas sebab-sebab tertentu terjadi pembayaran balik hutang tersebut tidak memuaskan hati dan tempoh masanya telah overdue selama 15 hari sahaja. Berbagai usaha dibuat untuk mendesak saya membayarnya sehingga menimbulkan malu atau mencederakan perasaan dan maruah saya sebagai pelanggan dan peminjam. Pelanggan-pelanggan bank seperti saya ramai menerima nasib dan layanan yang menimbulkan perasaan tidak menyenangkan itu. Tetapi Bank tersebut telah melakukan beberapa diskriminasi apabila sebuah syarikat iaitu Syarikat Kerjasama Harta Telok Kerang Berhad membuat pinjaman berbau politik sejumlah \$1.25 juta untuk membiayai Kompleks Medan Koop di bandar Pontian. Pinjaman ini dibuat semasa Datuk Harun Idris masih lagi Pengerusi Bank Rakyat Pusat. Sehingga kini syarikat tersebut tidak mampu membayar hutangnya

malahan syarikat Telok Kerang telah membekukan segala pinjaman bersifat “Koop” kepada ahli-ahlinya kerana terlalu banyak komitmen.

Pihak Bank Rakyat dan Pegawai Jabatan Koperatif Negeri benar-benar tahu Syarikat Koop harta Telok Kerang itu tidak mampu untuk memohon pinjaman tersebut, kerana bekas Speaker Ahli Dewan Undangan Negeri Johor adalah penaung kepada Syarikat Harta Telok Kerang sehingga pengaruh politik digunakan sehingga sekarang syarikat tersebut terus mempunyai masalah untuk membayar balik hutang-hutangnya kepada Bank Rakyat, Cawangan Pontian. Malangnya, Bank Rakyat tidak berani bertindak. Sebaliknya, pelanggan-pelanggan kecil diberi tekanan yang memalukan atas pinjaman tidak sampai \$2,000 pun malahan ramai pelanggan-pelanggan Bank Rakyat menghadapi kesulitan dan selalunya susah untuk membuat pinjaman dengan alasan ditakuti tidak boleh membayar balik.”

Itulah surat aduan yang saya terima. Penulis surat ini juga ada sebut nombor ahlinya iaitu JR 5378.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
(Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sabar dahulu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Untuk penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu surat itu bertarikh berapa haribulan dan berapa haribulan pinjaman itu diberi kepada pihak peminjam.

Tuan Lee Lam Thye: Surat itu bertarikh 24hb November, 1978. Saya rasa tidaklah perlu bagi saya menjawab soalan yang kedua yang telah ditanya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin tahu berapa haribulan pinjaman itu diluluskan sebanyak \$1,500. Ini mustahak dari segi membuat kenyataan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tidak begitu perlulah saya menjawab, sebab ada hujah-hujah yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Surat ini Yang Berhormat minta izin baca dalam Dewan dan kebetulan atau kebenaran surat ini mestilah digambarkan. Kalau di soal berkenaan dengan kebenaran atau tidak surat itu patutlah diberikan jawapan atau penerangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berkata bahawa ini adalah surat aduan yang saya terima bertarikh 24hb November, 1978 dan surat itu ditulis oleh salah seorang si peminjam dan salah seorang ahli bank. Itulah saya rasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu, untuk penerangan, surat ini adakah ditandatangani oleh orang yang mengadu atau tidak? Surat ini betul-betul ada bersain atau tidak?

Tuan Lee Lam Thye: Ada ditandatangani oleh si pengadu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Namanya ada?

Tuan Lee Lam Thye: Namanya pun ada. Saya rasa tidak perlulah bagi saya untuk menyebutkan nama si pengadu itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah bertanya dua perkara, pertama berapa haribulan surat itu—dijawabnya 24hb November, 1978—dan satu lagi saya bertanya berapakah tarikh. . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, duduk dahulu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak bertanya berapa haribulan peminjam itu telah diluluskan pinjamannya. Saya bimbang adakah pinjaman itu sebelum tahun 1975 atau selepas tahun 1975. Ini mustahak dari segi hujah perbincangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, apa soalan Yang Berhormat sekarang?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya bertanya adakah tercatat dalam surat itu bilakah pinjaman itu diluluskan kepada si yang menulis surat itu?

Tuan Lee Lam Thye: Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ada berkata bahawa ahli si peminjam ini atau nombornya ialah JR 5378 dan tentang bila si pengadu itu membuat pinjaman, saya rasa adalah tidak perlu bagi saya menjawabnya. Sekiranya Yang Berhormat itu hendak dapat maklumat, Yang Berhormat sendiri boleh menjalankan penyasatan.

Tadi apa yang saya telah katakan dan membuktikan iaitu mengenai penyelewengan dan juga berlakunya diskriminasi. Usaha untuk mendapatkan balik pinjaman tidak dijalankan betul dan akibatnya terdapat kecurangan wang rakyat termasuk wang dari petani-petani, peniaga-peniaga kecil dan nelayan telah disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Dasar Ekonomi Baru. Di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah berusaha menentukan bahawa dalam masa tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1970 hingga 1990 orang-orang Melayu dan lain-lain orang bumiputra akan memiliki dan mengurus sekurang-kurangnya 30% dari jumlah kegiatan-kegiatan perusahaan dan perdagangan di dalam semua kategori dan skel operasi. Kerajaan telah berjanji bahawa sasaran-sasaran pembahagian boleh dicapai dengan menambahkan saham orang Melayu melalui penyertaan orang Melayu yang aktif di dalam kuih atau kek kebangsaan dan bukan melalui kek ekonomi yang ada sekarang. Perusahaan awam adalah digunakan sebagai alat utama untuk mengurangkan perbezaan-perbezaan ekonomi di kalangan kaum di negeri ini, tetapi perjalanannya lemah perusahaan awam ini seperti kebongkaran Bank Rakyat bermakna bukan sahaja Bank Rakyat kerugian wang rakyat tetapi juga melibatkan penyertaan orang Melayu di dalam ekonomi negara yang menyebabkan kegagalan teruk Dasar Ekonomi Baru dan orang-orang yang mengalami kesusahan ialah pembayar cukai di negara ini.

Percubaan-percubaan untuk memperkuatkan perbadanan-perbadanan awam yang kerugian wang seperti Bank Rakyat yang bankrap dengan menyalurkan wang rakyat akan memberi implikasi yang penting bagi pertumbuhan ekonomi dan pembahagian pendapatan negara ini. Sepertimana yang dikatakan di dalam Kertas Putih Kerajaan

berkewajipan memulihkan yang mana setakat ini satu pinjaman darurat sebanyak \$150 juta telah diberikan kepada Bank Rakyat supaya menjadi satu pertubuhan yang teguh dan kuat yang mana boleh memainkan peranan sebagai alat untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi rakyat. Setengah-setengah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan seperti menyusun semula dan membaiki pengurusan dan pentadbiran serta mengambil kerja kakitangan yang jujur, berdisiplin, cekap dan berpengalaman bagi Bank Rakyat adalah dipuji. Bagi menentukan bahawa bencana ini tidak berlaku lagi kepada Bank Rakyat dan lain-lain perbadanan awam, kami berasa adalah sangat mustahak supaya pihak Kerajaan dapat menentukan bahawa pegawai-pegawai yang berdisiplin hanya dibenarkan untuk menjalankan segala operasi, baikpun di dalam Bank Rakyat ataupun di dalam perbadanan-perbadanan awam yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.48 *ptg.*

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengikut serta di dalam perbincangan mengenai perkara yang di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar ucapan wakil dari Petaling sekejap tadi, satu perkara yang saya dapat membuat kesimpulan iaitu terutama sekali bahagian yang pertama beliau nampaknya berhati-hati dalam berucap mungkin takut terpijak kaki pihak-pihak sama ada pihak pemegang saham Bank Rakyat ataupun pihak-pihak yang lain dan dengan nada yang demikian ini nampaklah bahawa kalau sekiranya soal Bank Rakyat ini dihentam teruk-taruk sangat, mungkin boleh menjejaskan masa hadapan politik seseorang ini kerana Bank Rakyat ini adalah jelas hak rakyat. Bukan sahaja setakat 30,000 lebih keahliannya tetapi juga yang datangnya daripada lebih kurang 1,000 badan-badan koperasi yang wujud di negara ini. Saya rasa, kalau kita benar-benar jujur dan ikhlas apalah salahnya kita memperkatakan sesuatu itu dengan lantang dan terang, jangan teragak-agak bahawa soal di hadapan kita pada hari ini adalah satu perkara yang patut dipuji. Pujian yang pertama, patut diberi kepada pihak Kerajaan sama ada kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri ataupun kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, kerana sanggup mendedahkan soal ini walaupun difikirkan atau diberi perhitungan yang pendek mungkin perkara ini membawa akibat-akibat yang tertentu. Tetapi demi untuk menjaga kejujuran, keikhlasan dan kebersihan dalam Barisan Nasional maka segala ini perlu dihadapi dengan berani dan tegas "come what may".

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa selain daripada keberanian dan ketegasan yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan dalam melantik pihak Price Waterhouse & Co. ini supaya membuat laporan yang mana kita dapati di hadapan kita, tetapi belanjanya pun banyak dipergunakan untuk menghasilkan laporan ini. Ini adalah satu perkara yang menunjukkan bahawa pihak Kerajaan hari ini benar-benar hendak membetulkan perkara yang salah kalau terdapat kesalahan. Kerajaan hari ini hendak memperelokkan perkara yang bengkok kalau sekiranya tidak betul atau bengkok bengkok di mana-mana. Dalam soal kita hendak memperbetulkan perkara ini, maka tidak kena pada tempatnya kalau dikaitkai pula dengan soal-soal hendak menjejaskan Dasar Ekonomi Baru. Dalam soal ini saya sedar bahawa setiap langkah yang dibuat oleh Kerajaan terutama sekali yang berhubung dengan gerak kerja atau aktiviti-aktiviti orang Melayu dan Bumiputra yang lain ada hubungannya dengan Dasar Ekonomi Baru. Dengan cara membentangkan Kertas Putih ini dengan sikap yang saya sebutkan tadi maka ini adalah satu cara yang berani untuk menentukan bahawa setiap tujuan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru ini tidak diselewangkan oleh mana-mana pihak sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dalam masalah Bank Rakyat ini telah mengambil beberapa langkah yang tegas dan berani sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sewaktu membentangkan perkara ini sekejap tadi. Umpamanya Kerajaan telah memberi jaminan kepada ahli-ahli Bank Rakyat bahawa saham yang mereka tanam itu selamat dan selain daripada itu Kerajaan telah mengeluarkan pinjaman segera dan juga Kerajaan telah bertindak demi menyelamatkan institusi kewangan kepunyaan sebahagian besar daripada golongan rendah ini dengan menyusun semula pentadbiran

Bank Rakyat ini pada tahun sudah. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar memandang tinggi kepada perkara ini. Kemajuan dan kemunduran Bank Rakyat sebagai salah satu koperasi yang melibatkan keseluruhannya orang Melayu dan Bumiputra adalah memainkan peranan yang besar dalam menentukan jaya atau sebaliknya Dasar Ekonomi Baru. Maka dengan itu langkah Kerajaan ini adalah selaras dengan kehendak atau tujuan untuk menyelamatkan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri boleh datang ke Dewan ini dan membaca sebahagian ataupun semua daripada Kertas Putih ataupun memetik di sana sini daripada buku Laporan Price Waterhouse yang begini tebal. Untuk maklumat kita semua, soal ini bagi mereka yang telah membaca kita semua maklum dan bagi mereka belum baca silalah baca. Bagi saya, saya rasa tidak perlu saya baca di sini kerana perkara ini adalah jelas dan terang dan ini menunjukkan sebagaimana saya sebutkan tadi Kerajaan ini berani, tegas untuk menentukan sesuatu perkara yang benar atau sebaliknya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, semasa Ahli dari Petaling tadi membuat ucapannya beliau telah menyentuh sepatutnya dia sentuh esok tetapi dia sentuh sedikit mengenai \$82,500 iaitu wang yang telah diberikan atau wang yang telah didermakan, yang mana satu istilah tidak penting tetapi yang pentingnya \$82,500 yang saya maksudkan ini telah diberikan kepada UMNO Selangor oleh Bank Rakyat. Supaya keadaan ini dapat diketahui secara jelas dan supaya tidak diputar belitkan selanjutnya, saya dengan izin, ingin membaca sedikit daripada Kertas Putih mengenai kedudukan Bank Rakyat ini sebelum saya membuat ulasan, perenggan 24, muka surat 12:

“Dalam bulan September, 1974 Bank Rakyat telah membayar sejumlah \$82,500 kepada UMNO Selangor. Jumlah ini adalah dikira atas kadar ½% atas deposit tetapi Kerajaan Negeri Selangor di cawangan Bank Rakyat Kuala Lumpur yang berjumlah \$26,500,000. Faedah ½% ini adalah berlebihan dari kadar yang dinyatakan di resit deposit tetap yang berkenaan dan tidak sepatutnya dibayar. UMNO Selangor telah

mengatakan bahawa pembayaran ini telah diterima dengan ikhlas sebagai derma.”

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab UMNO Selangor telah dilibatkan dan selepas itu pula dengan secara tidak langsung mencabar UMNO Malaysia sendiri dari segi, dengan izin, “political integrity and political credibility”, maka saya ingin menyatakan di sini bahawa kalau kita benar faham daripada buku atau Kertas Putih ini dan kita faham betul-betul daripada buku yang setebal ini, tidak ada orang yang menyatakan bahawa yang bersalah ialah pihak UMNO Selangor dan apatah lagi hendak dipersalahkan kepada parent body UMNO Malaysia. Kalau sekiranya perkara ini bertentangan dengan undang-undang maka baharulah bersalah. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik sedikit daripada perlembagaan UMNO yang telah disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Dengan izin.

“Bab ke 14 Kewangan dan Harta benda; Fasal 28 Punca Pendapatan, 28 (1) (b)—Derma-derma”.

Dari segi bab yang ke 14, Fasal 28(1)(b) ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sanggup mencabar walau di mana sekalipun perkara ini tidak bersalah. Dari segi penerimaan UMNO tidak dapat dipersalahkan kerana ini adalah boleh menerima. Walaupun hendak dipersalahkan mungkin pihak yang memberi, tidak pihak yang menerima. Jadi saya harap perkara ini dapat dilihat dengan keadaan yang betul dan janganlah hendaknya oleh sebab nama UMNO Selangor di sini maka lantas dikaitkan dengan UMNO Malaysia mengenai perkara ini dan selepas itu dikait pula dengan soal “political integrity and political credibility” UMNO sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal “integrity and credibility UMNO” tidak payah dipersoalkan oleh mana-mana pihak sekalipun pada hari ini kerana pada tahun 1955 UMNO sapu bersih 51 kerusi kecuali satu di seluruh Malaya. Pada tahun 1959 wakil-wakil kita dari Perikatan pada masa itu ditulangnya dibelakangkan oleh UMNO dapat memerintah negara. Tahun 1964, tahun 1969, tahun 1974 dan tahun ini UMNO mempunyai 70 ahli dalam Dewan yang mulia ini. Di mana cabaran boleh diberi kepada credibility dan integrity UMNO, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini walaupun ada kaitan disebut dengan nama UMNO tetapi soal ini kita serahkan kepada rakyat. Kalau rakyat memilih untuk menyokong lantaran adanya menyebut nama UMNO di dalam Kertas Putih ini untuk memarahkan UMNO ataupun Barisan Nasional ataupun Kerajaan ini, kita serah kepada rakyat. Tetapi kalau rakyat lebih bertanggungjawab, lebih pandai memikirkan bahawa Kerajaan dengan berani, bertanggungjawab tegas, jujur dan ikhlas, sanggup mengeluarkan ini kerana hendak membaiki perkara-perkara yang dianggap tidak betul demi menyelamatkan kaum nelayan, menyelamatkan kaum tani, menyelamatkan kaum buruh, menyelamatkan pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji rendah, menyelamatkan ahli-ahli koperasi yang berselerak di seluruh negara ini, maka pilihan yang kedua inilah yang merupakan kehendak Kerajaan sebagaimana yang saya fahamkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.02 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana dibenarkan saya membincangkan tentang Kertas Putih pada hari ini.

Saya dahulukan ucapan saya mengapa saya perlunya Wakil dari Kuala Lumpur Bandar tadi menyebut tarikh suratnya dan bila pinjaman itu diluluskan kerana ini adalah penting bagi kita untuk menyebutkan sesuatu sama ada penyelewengan atau tidak penyelewengannya dan apa tujuannya surat itu ditulis kerana kalau tulisannya dibuat pada 24hb November, 1978 bermakna perkara itu baru. Yang paling penting sekali bila pinjaman itu diluluskan. Kalau kelulusannya dalam tahun 1977/1978 saya rasa tindakan yang dibuat oleh pegawai Bank Rakyat itu; bukan saya hendak menyokong apa yang dilakukan, tetapi saya hendak menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh pegawai Bank Rakyat itu adalah kena pada tempatnya kerana di bawah pimpinan baru, di bawah tanggungjawab yang baru untuk menyelamatkan Bank ini. Kita tidak kira sama ada pinjaman itu besar ataupun kecil. Maka

tugas seorang pegawai Bank itu perlu kerana apa yang berlaku kepada Bank Rakyat sebelum tahun 1975 itu merupakan satu cabaran kepada pegawainya bagi menjalankan tugasnya dengan lebih tegas dalam memungut hutang-hutang. Jadi sebab itulah mengapa saya perlunya tarikh surat itu dan mengapa saya perlunya bila pinjaman itu diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya telah menyangka yang pihak DAP ini suka dan beria-ia benar apabila kita membentangkan sesuatu yang berlaku di dalam Kerajaan kita dan kita telah menyangkakan bahawa pihak DAP ini memang untuk menuduh Kerajaan dan kalau boleh dia akan meminta Kerajaan ini meletakkan Kerajaan ini dan diberi kepada DAP. Itu hasratnya. Tetapi ini juga permainan politik yang dikait-kaitkan dengan politik kepada orang-orang UMNO.

Walau bagaimanapun tentang apa yang disebutkan oleh Ahli dari Petaling tadi itu merupakan satu yang kita telah jangka mereka akan menggunakan dan mempergunakan segala apa yang ada yang kita bentangkan di dalam Buku ini untuk menuduh Kerajaan tetapi apa Kerajaan buat membentangkan perkara ini, tidak pernah dilahirkan terima kasih kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam apa yang disebut oleh Wakil dari Petaling tadi, dia telah menuduh bahawa pemimpin-pemimpin UMNO dan juga ahli-ahli UMNO adalah orang yang mensabotajkan Dasar Ekonomi Baru. Ini hanya dia memutarbelitkan kenyataan. Dia cuba hendak menggunakan Dasar Ekonomi Baru, pada hari ini juga telah cuba hendak mempengaruhi fikiran orang Melayu kononnya DAP ini juga menyokong orang-orang Melayu. Tetapi sebenarnya adalah untuk memecahbelahkan dan memutarbelitkan kenyataan ini kerana dengan cara yang dikeluarkan itu, dengan cara tuduh-menuduh apa yang telah Kerajaan bentangkan di sini adalah satu cara pihak DAP untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru. Kerana dengan tidak menyokong apa yang diperuntukkan di dalam tambahan ini merupakan satu daripada alasan yang saya menyatakan DAP ini cuba hendak menggagalkan Dasar Ekonomi Baru dan pada tahun 1990 nanti dia akan bangun di Dewan ini juga dan akan menuduh Kerajaan yang bukan-bukan. Dan ini memang telah kita

jangka yang DAP ini hanya boleh bercakap mendapat publisiti dan mengeluarkan perasaan kehampaannya kerana tidak mendapat majoriti di dalam negara ini dan untuk menuduh yang bukan-bukan.

Bagi saya walaupun apa yang berlaku ini yang disuarakan oleh Wakil tersebut, saya rasa Kerajaan telah bentangkan perkara ini dan orang yang bertanggungjawab melakukan apa yang disebut oleh Wakil tadi telahpun menerima hukuman, apa yang kita mahu persoalkan lagi. Inilah yang kita katakan membangkit-bangkitkan perkara yang sia-sia di dalam Dewan ini. Semua orang telah tahu apa yang tercatat dalam Buku ini, apa guna kita bangkitkan. Cuma untuk melahirkan perasaan puas demi untuk kepentingan politik DAP yang hanya semata-mata untuk membangkitkan dasar perkauman bukan Bumiputra, yang semata-mata untuk mencampuri dalam soal rancangan Kerajaan bagi membantu Bumiputra di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam pada itu juga ada Wakil dari Petaling ini menyebutkan bahawa dalam senarai ini ramai orang-orang UMNO. Saya rasa itu memang sepatutnya ramai orang UMNO kerana orang UMNO lebih ramai daripada orang DAP. Jadi kalau peluang yang ada itu tidak digunakan oleh orang UMNO maka orang DAP tidak akan menggunakan pinjaman daripada Bank ini dan untuk melancarkan atau untuk menyokong dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dan ini hanya Bank Rakyat, kita belum tentu lagi di dalam negara kita ini banyak Bank-bank dan saya rasa tentulah pihak DAP tidak meminjam duit ini daripada Bank Rakyat tetapi mereka itu akan meminjam daripada bank-bank lain yang kita tidak mahu menyebut di mana-mana apa penyelewengan tetapi pinjamannya mesti dilakukan oleh pihak DAP; tidak dalam Bank Rakyat. Tetapi kalau DAP memerintah negara ini saya rasa Bank Rakyat ini akan semua dipinjam oleh Wakil-wakil dari DAP juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong peruntukan pinjaman sebanyak \$55 juta kepada Bank Rakyat ini, saya suka menarik beberapa perkara hasil daripada terbitnya Kertas Putih yang dibentangkan di Dewan ini.

Satu perkara yang saya hendak menarik perhatian ialah dengan terbentangnya Kertas

Putih dalam Dewan ini kepada umum adalah terbukti akan kejujuran serta tanggungjawab Kerajaan yang memerintah terhadap masalah yang menjadi tanda tanya kepada rakyat selama ini khususnya kepada ahli-ahli Bank Rakyat. Bagi menjelaskan kedudukan yang sebenarnya Bank Rakyat dan memerlukan peruntukkan pinjaman yang membolehkan Bank Rakyat menyambung nyawanya, yang lebih penting lagi ialah menjaga kepentingan ahli yang diamanahkan oleh seramai 23,463 orang itu dan juga menjamin sebanyak 1,000 kumpulan koperasi yang juga menjadi ahli. Inilah yang menjadi tanggungjawab utama kepada Kerajaan. Bukan masalah untuk mendedahkan apa yang berlaku di dalam Dewan ini tetapi sebagai tanggungjawab Kerajaan untuk melindungi apa yang harus diterima oleh ahli-ahli Bank Rakyat ini. Dengan keberanian pihak Kerajaan membuka dengan seluas-luasnya segala penyelewengan, sikap tidak jujur dan kurang bertanggungjawab pihak pentadbiran Bank Rakyat yang lepas terbukti hasrat pemimpin kita yang mahu menegakkan sebuah Kerajaan yang bersih dan benar-benar berjiwa rakyat sebagaimana yang dikatakan itu supaya rakyat sendiri dapat melihat dan menghakim sesuatu yang berlaku dan adakah benar atau tidak. Kalau sekiranya rakyat tidak percaya lagi, dan percaya kepada DAP dengan tokoh-tokohnya yang ada, maka rakyat boleh menghakimnya 5 tahun sekali. Tidak perlu kita berkempen di dalam Dewan ini.

Masalah penyelewengan yang dilakukan oleh penyeleweng-penyeleweng itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak perlu kita timbulkan lagi, kerana perkara ini telahpun dihadapkan ke muka pengadilan. Apa yang berlaku di sini ialah tanggungjawab orang yang telah melakukan kesalahan, tetapi pihak Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menyelamatkan apa yang berlaku dan dengan kerana itu, kita sebagaimana yang saya sebutkan tadi agar Bank Rakyat ini akan terus bernyawa dan juga akan dapat melindungi ahli-ahlinya yang telah membayar sahamnya yang berjuta-juta ringgit di dalam bank tersebut.

Peristiwa pendedahan yang berlaku ini juga hendaknya akan menjadi ingatan ataupun tauladan kepada bank-bank lain yang menjadi harapan kepada rakyat. Dan juga kepada

badan-badan berkanun yang lain agar apa yang berlaku ini tidak akan menjadi pisang berbuah dua kali. Oleh itu untuk menyambung agar hidupnya Bank Rakyat ini, saki-baki harta dan nilai bangunan yang ada dan pinjaman daripada Kerajaan yang akan kita luluskan nanti, adalah sangat perlu bagi kita, selain daripada kita mendapati bayaran balik daripada pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh ahli-ahli. Ini adalah perkara yang dapat ditentukan oleh pihak pentadbiran Bank Rakyat sekarang iaitu untuk menentukan sama ada wang yang diberi pinjaman itu akan mendapat kembali dan pinjaman yang diberi itu dipinjam oleh orang yang berkemampuan untuk membayarnya.

Dalam perkara ini selanjutnya, ahli-ahli yang meminjam dalam senarai yang tebal di dalam buku yang saya sebutkan tadi, tidak bersalah kerana tiap-tiap bank memang tempat meminjam. Dua orang yang meminjam dalam senarai yang ada tidak bersalah. Cuma yang bersalah sedikit kerana tidak membayarnya dan apa yang perlu, yang lebih kita tekankan ialah dari segi kemampuan terutama dari segi kemampuan berdasarkan kedudukan dan pekerjaan orang-orang yang meminjam itu sekarang. Kalau mereka sudah bankrupt, kedudukannya atau dalam politiknya telah jatuh, saya rasa kemampuannya tidak berkemampuan untuk membayar maka tindakan harus diambil. Begitu juga adakah wang yang dipinjam itu digunakan untuk membeli harta-harta, tanah ataupun rumah yang mungkin nilainya berlipat-ganda daripada apa yang dipinjam. Walaupun pinjaman itu digunakan untuk menjalankan segala usaha ataupun perniagaan yang boleh menguntungkan. Atau apakah cagaran yang diberi kepada Bank Rakyat dulunya, adalah mempunyai nilai yang sepatutnya untuk mendapat wang itu kembali. Dan selain daripada itu, adakah peminjam itu membayar ataupun dibayar dengan cara berdikit-dikit walaupun tidak mengikut perjanjian sebagaimana yang ditentukan di dalam perjanjian pinjaman itu. Kerana ini merupakan satu niat ataupun hasrat yang baik untuk menjelaskan bayaran pinjaman itu.

Jadi kalau sekiranya kita perhatikan kepada peminjam-peminjam ini yang tidak mempunyai 5 syarat atau kriteria yang saya sebutkan tadi maka itulah tindakan tegas

mesti diambil oleh pihak Bank Rakyat supaya wang itu dapat dipungut kembali demi untuk kepentingan 23,000 ahli dan 1,000 kumpulan koperasi yang sentiasa mendukung Bank Rakyat ini agar harta-harta dan hak yang ada di dalam bank itu tidak akan disia-siakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat telah menanggung kerugian sebanyak \$65.2 juta pada akhir tahun 1975. Kerugian ini timbul daripada kesilapan operasi bank itu dan juga dari anak-anak syarikat. Apa yang saya hendak menarik perhatian di sini ialah kerugian ataupun pinjaman oleh dua orang Pengarah Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Sdn. Bhd. Kelantan (PPP) yang bertanggungjawab meminjam daripada syarikat ini yang dicampur adukkan pinjaman itu berdasarkan daripada Syarikat PPP tetapi dicampur adukkan dengan pinjaman perniagaan sendiri atau lain-lain pinjaman persendirian, seperti pinjaman membeli rumah dan sebagainya yang sebagaimana maklum telah mengakibatkan sebanyak \$1,010,500 oleh Nik Mustaffa Shafie yang terkenal dengan nama "Ted" sangat laju perjalanannya dan sebanyak \$1,039,810 oleh rakannya Ismail Daud yang terkenal dengan nama "Pak We", kata orang Kelantan.

Mungkinlah mereka ini merupakan dua tokoh perancang ekonomi, parti yang memerintah pada masa itu di negeri Kelantan yang menyebabkan PPP ini menanggung kerugian. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah mengikut Laporan Price Waterhouse & Co. ini, akan PPP syarikat tembakau pada 31hb Disember, 1975 telah mengalami kerugian sebanyak \$1.7 juta.

Persoalannya, bagaimana syarikat PPP mengalami kerugian, pada hal pada ketika itu kesemua syarikat-syarikat tembakau mendapat keuntungan yang banyak dan pada masa itu juga masih banyak syarikat-syarikat tembakau atau ban-ban baharu yang didirikan. Inilah persoalan yang patut kita timbulkan yang diragukan. Dan inilah persoalan yang menjadi tanda-tanya kepada rakyat terhadap syarikat PPP ini. Kerana syarikat PPP mengalami kerugian tetapi syarikat tembakau kepunyaan Nik Mustafa dan rakan-rakannya sendiri mendapat keuntungan. Mungkin ada berlaku penyelewengan di dalamnya, membeli tembakau daun-daun yang baik dihantarkan untuk

syarikatnya dan daun-daun yang kurang baik digunakan untuk Syarikat PPP menyebabkan nilainya kurang baik dan hasilnya tidak memuaskan—ini mungkin. Diharap perhatian daripada pihak yang berkenaan harus ditumpukan kepada perkara ini, jangan hanya menerima kenyataan kerugian. Dalam pada itu juga keadaan peminjaman ini berlaku kepada sebuah Syarikat Persendirian iaitu Syarikat BATA Sendirian Berhad yang telah ditubuhkan di Jeddah, Saudi Arabia. Mungkin ini juga menjadikan punca kerugian. Ini ialah pinjaman daripada Bank Rakyat bukan lagi pinjaman daripada bank-bank lain seperti Hongkong and Shanghai Bank yang berjumlah berjuta-juta ringgit.

Jadi perhatian harus juga diberi kepada dua perkara yang menyebabkan PPP kerugian dan menyebabkan hutang kepada Bank Rakyat tidak dapat dibayar, pelarian modal atau pelarian keuntungan yang ada kepada Syarikat PPP dipindahkan kepada Syarikat Persendirian kerana keadaan pinjaman itu dicampuradukkan seolah-olah harta PPP menjadi harta hakmiliknya sendiri, pinjaman dicampuradukkan sehingga mengakibatkan \$2 juta lebih pinjaman oleh dua orang yang tidak dapat dijelaskan kepada pihak Bank Rakyat. Oleh kerana dua punca ini kemungkinanlah menjadikan Syarikat PPP ini mengalami kerugian kerana seperti saya katakan tadi kemungkinan modal dilarikan atau keuntungannya yang pemimpin-pemimpin ini kita kenal satu masa dahulu merupakan pemimpin, pejuang Islam.

Inilah antara beberapa perkara yang dilakukan oleh pemimpin PAS yang selama ini mengagung-agungkan sebagai pejuang Islam dan menegakkan Islamnya di Kelantan, akhirnya telah mengeciwakan harapan rakyat Kelantan dari beberapa janji yang dibuat oleh PPP. Misalnya janji untuk membayar bonus bakal yang diberi oleh company tembakau ini melalui PPP dinanti-nanti oleh rakyat Kelantan yang sehingga sekarang tidak dibayar walaupun syarikat-syarikat tembakau yang lain telah memberi bonus kepada ahli-ahlinya. Begitu juga bayaran-bayaran daun masih tidak dijelaskan. Walaupun pilihanraya tahun 1974 telah dijanjikan untuk menjelaskan kesemuanya ini tetapi oleh sebab sikap tamak dan haloba beberapa orang pemimpin yang tidak bertanggungjawab ini menyebabkan rakyat Kelantan keciwa dengan

Syarikat yang dibuatkan untuk memberi kemudahan kepada mereka. Inilah di antara matlamat dari beberapa orang pemimpin yang mengakui diri mereka sebagai pejuang Islam kononnya pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Price Waterhouse & Company ini telah meragukan sama ada peminjam-peminjam ini berupaya membayar balik semua pinjaman dari dua orang peminjam ini, ini persoalan yang telah disoalkan oleh pihak Price Waterhouse & Company ini. Jadi apakah perbuatan dua orang ini pihak Bank Rakyat akan terpaksa menanggung kerugian atau beban. Oleh itu saya mencadangkan dan berharap harta yang ada di dalam negeri ini dan di luar negeri hendaklah diminta. Kalau tidak diberi, diambil dan seboleh-bolehnya kalau tidak diberi dengan secara baik maka harta itu harus dirampas supaya dapat wang \$2 juta ini bagi menampung pembangunan Bank Rakyat yang akan datang untuk kepentingan ahli yang lebih ramai daripada ahli yang dua orang itu. Inilah persoalan yang saya sebutkan tadi kemampuan peminjam itu untuk membayar, kalau tidak ada kemampuan maka perkara ini patut dihadapkan ke pihak pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sebagaimana disebutkan tadi telah banyak menubuhkan badan-badan berkanun dan badan bebas dengan hasrat melaksanakan segala program-programnya dengan bebas, lebih cekap, lebih berkesan dan mencapai matlamatnya. Kira-kira sebanyak 50 buah lebih badan-badan berkanun yang ada dalam negara ini yang pihak Pembangkang selalu bertanya-tanya selepas Bank Rakyat ini apakah atau tokoh manakah atau badan-badan berkanun lagi yang akan dibentangkan kepada pihak Pembangkang supaya Pembangkang menuduh kita. Saya rasa ini adalah fikiran dari seorang Pembangkang yang hanya hendak mencari salah bukan untuk membina sesuatu yang telah tersalah. Walau bagaimanapun, yang menjadi tandatanya kepada setiap rakyat dan juga DAP seperti yang kata tadi, terhadap badan-badan berkanun ini, sekali lagi saya sebutkan. Pisang tidak akan berbuah dua kali, kepada Kerajaan kita. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan membentuk satu Badan Perunding ataupun satu badan Jurukira yang bebas sepertimana Price Waterhouse & Company ini

juga yang bebas untuk memeriksa dan menasihatkan perjalanan pengurusan dan kedudukan kewangan tiap-tiap badan berkanun atau badan-badan bebas yang diamanahkan oleh Kerajaan, pada tiap-tiap 3 atau 5 tahun sekali bagi menentukan kejayaan yang dicapai dan mengelakkan kerugian dan tidak perlu kita bentangkan dalam Dewan ini untuk memberi peluang dieksploitasikan oleh pihak Pembangkang, ini tidak perlu kita bentangkan, cuma kita hendak mencari di mana kekurangan yang berlaku pada tiap-tiap badan berkanun itu, kita perbetulkan perjalanannya dan kita tidak payah menimbulkan untuk Pembangkang eksploitasikan apa yang berlaku. Bagi maksud ini biarlah kita membelanjakan \$100,000 asalkan kita jangan kerugian \$1 juta. Bermakna perbelanjaan yang digunakan untuk memberi kuasa kepada Badan Perunding atau Firma Jurukira itu untuk memberi pemeriksaan dan nasihat bagi membentuk badan-badan berkanun adalah sangat perlu supaya segala bengkak-bengkak dan kudis-kudis yang timbul dalam badan berkanun itu dapat diubah agar jangan beranah dan memburuk sebagaimana berlaku kepada Bank Rakyat dan segala kesilapan serta kepincangan yang timbul dalam badan-badan berkanun itu dapat kita baiki sebelum menjadi teruk dan kerugian yang berjuta-juta ringgit dan yang menjadi cacian pula kepada pihak DAP kerana kalau DAP sendiri pun yang memberi kuasa dalam negara ini, apa yang berlaku tetap berlaku hanya untuk melepaskan perasaan dalam Dewan sahaja kerana tanggungjawabnya untuk bercakap bukan untuk membuat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada juga ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tentang persoalan kemampuan pengusaha-pengusaha bumiputra di dalam menjalankan syarikat-syarikat atau badan-badan berkanun seperti ini. Tetapi sebenarnya ini saya rasa tidak perlu dipersoalkan lagi kerana apa yang berlaku ini merupakan satu incident, hanya sebagai satu daripada yang berpuluh-puluh dan kalau tuduhan-tuduhan yang diberi itu memang bukan tuduhan-tuduhan kepada badan-badan berkanun sahaja berbagai-bagai tuduhan terutama dari pihak Pembangkang, ini biasa bagi kita dan

Kerajaan tidak payah gentar apa yang dibangkangkan atau apa yang disuarakan oleh pihak Pembangkang kerana saya rasa berdasarkan apa yang ada, yang telah dijalankan oleh pengusaha-pengusaha bumiputra, bumiputra telah mampu untuk memberikan segala nadi bagi menjalankan hasrat matlamat Dasar Ekonomi Baru ini.

Satu lagi saya suka hendak memberi satu cadangan kepada pihak Bank Rakyat ini bagi menambahkan kewangannya dan juga untuk meluaskan pinjamannya saya mencadangkan supaya Bank Rakyat ini meluaskan kegiatannya kepada kira-kira simpanan semasa (current account) yang membolehkan Bank Rakyat ini menarik modal yang lebih banyak lagi sebagaimana badan perniagaan-perniagaan yang lain supaya kemudahan yang ada kepada Bank Rakyat itu dapat memberi kemudahan yang sama sebagaimana bank-bank yang lain juga dan ini menarik lagi pelabur itu tanam modal menggunakan Bank Rakyat ini sebagaimana bank lain juga yang akan berkhidmat sepenuhnya kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuhnya menyokong peruntukan tambahan \$55 juta ini bagi menghidupkan Bank Rakyat dan juga apa yang disuarakan oleh pihak pembangkang tadi saya mengatakan ini adalah peluang pihak pembangkang untuk mengeksploitasikan apa kejujuran Kerajaan membentangkan ini untuk kepentingan politik mereka dan saya rasa mereka tidak akan dapat menggunakan semua apa yang ada dan kita di pihak Kerajaan akan berhati-hati supaya jangan memberi lembing kepada orang yang tidak tahu menggunakan lembing, mereka akan menikam sesiapa sahaja. Inilah harus diperhatikan oleh pihak Kerajaan.

Saya juga suka menyebutkan di sini bahawa memanglah hasrat Pembangkang untuk menimbulkan atau untuk mencari publicity dengan membentang ataupun membangkit-bangkitkan perkara yang berlaku tetapi tidak pernah mempersoalkan cara-cara untuk memberi bantuan kepada Kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini. Oleh itu sekali lagi saya menyokong peruntukan tambahan demi untuk menghidupkan Bank Rakyat.

Tuan yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.35 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bercakap sepatah dua berhubung dengan masalah Kertas Putih yang dibentangkan dalam Dewan ini berhubung dengan Bank Rakyat. Laporan yang setebal itu dibaca pun tak hendak habis—terlalu tebalnya, tetapi hak yang ini setengah-setengahnya adalah kita baca.

Bagi saya mahu tidak mahu terpaksa mengaku bahawa Bank Rakyat ini rugi. Ruginya mengikut laporan dibuat oleh Price Waterhouse ini \$65 juta lebih kalau hendak dikira dengan harta-harta yang ada tetapi ini dibasekan pada tahun 1975.

Saya rasa kalau tahun 1975, 1976, 1977, 1978 dan 1979, agak 4 tahun kebelakangan ini dikira dengan harga-harga benda-benda ses yang ada di Bank Rakyat, pembangunannya, hartanya, saya rasa tak rugi—agak sayalah, sebab ada naik harganya. Walau bagaimanapun masalah Menteri Kewangan minta tambahan sebanyak \$55 juta untuk hendak hidupkan balik atau untuk hendak menjalan, menggiatkan semula Bank Rakyat yang dianggap hampir-hampir bankrap. Ini Price Waterhouse pun dianggap sahaja, dia tak kata bankrap, itupun satu kebaikan. Dia tak kata bankrap—hampir-hampir bankrap, belum bankrap, maknanya boleh diperbaiki lagi dan keazaman Kerajaan hendak memperbaiki itu walaupun ada yang marahkan Pembangkang, saya ini Pembangkang—PAS tetapi janganlah ambil sama PAS campur jadi dodol sama—jangan.

Masalahnya saya tahu Bank Rakyat hak orang Melayu, hak orang China tak ada agaknya, sebab daripada koperasi kecil, semuanya besar. Yang tak masuk syer sayalah, nasib saya tak baik, kalau tidak dapat juga kek mengikut dalam buku itu, sama ada kek besar atau kek kecil tak tahulah.

Sekarang ini saya fikir dan saya berharap dengan kita luluskan \$55 juta ini hak-hak yang telah ditanam oleh nelayan-nelayan, petani-petani, orang memotong getah macam saya ini, jadi dapat balik keuntungannya tetapi saya harap kepada Kerajaan jangan harap yang \$55

juta ini sahaja untuk hendak mengembalikan balik, fikir sama yang rugi, yang orang pinjam banyak itu fikir sama. Janganlah fikir macam Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan asyik kira hak \$2 juta yang dipinjamkan oleh 3P, hak-hak tembakau di Kelantan itu, katanya pemimpin PAS berhutang hendak menjalankan hukum Islam, berhutang tak mahu bayar. Hendak bayar macam mana Kerajaan sudah ambil alih, itu kena bicara dengan Kerajaan Kelantan, saya tak mahu bercakap panjang dalam hal ini, saya tak mahu berbahas dengan beliau, suruh dia belajar dalam bab/soal itu. Soal yang lain daripada \$2 juta itu, \$63 juta ini macam mana kita akan dapat balik. Mengikut laporan itu macam mana hendak dapat balik, yang cagaran pun hilang terbakar dalam Campbell Complex, ada juga, kalau terbakar semua takkan hendak ada buku besar ini, dia kata ini ada kesnya, cari.

Yang menjadi susah hati saya sekarang ini ada orang-orang yang kita beri harapan untuk memerintah sebuah negeri tetapi ada mempunyai hutang kepada Bank Rakyat, tak usah sebut nama, faham-fahamalah, Menteri Pertanian faham, Dato' Perdana Menteri pun faham siapa dia. Jadi ini memburukkan imej kita sendiri, imej sebuah Kerajaan.

Saya rasa ini berat dan saya rasa sepatutnya Kerajaan kalau hendak buka tembelang pun bukanlah sedikit, kalau sampai dalam kelambu, janganlah buka bagi orang dengar dan orang tengok.

Saya baru balik daripada kampung—hari Sabtu dan Ahad saya ada di kampung, banyak orang bertanya saya: Datuk Bakar, apa cerita ini? Bank Rakyat ini apa cerita? Bukunya sungguh besar. Saya kata, saya tidak bawa balik buku, tetapi dikata besar. Ini satu perkara macam mana kita hendak buat, macam mana kita hendak mengembalikan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan. Ini saya hendak bercakap, walaupun membangkang tetapi hendak bercakap bagi pihak Kerajaan, macam mana kita hendak mengembalikan kepercayaan rakyat sedangkan kita menghadapi masalah ekonomi orang Melayu. Buka sedikit cukuplah, ini habis cerita kawan berhutang 5 sen pun ada cerita, tidak ada cagaran. Ini kesilapan, tetapi silap itu hendak buat macam mana sudah tercap dan semua

dan sudah baca semua sekali. Walau bagaimanapun saya berharap sangatlah yang mana hendak kata salah pengurusan Bank Rakyat pun ada salah, tetapi pihak pentadbir, pihak Kerajaan pun ada salah juga, dia berpakat sama salah, sebab kalau kita baca di dalam buku ini bank hendak jadi sampai kepada Bank Rakyat ini sampai sepuluh kali diambil dan ditukar nama. Nanti saya tengok muka berapa pun saya tidak tahu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Muka awal—Pendahuluan.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar: Muka awal, itu sejarah Bank Rakyat. Mulanya Syarikat Kampong Bekerjasama Bagan Tiang, selepas itu Bank Persatuan Bekerjasama-sama Seberang Prai Dengan Tanggungan Berhad sampailah kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, ringkasnya Bank Rakyat, itu pada tahun 1972. Takkanlah dalam dan waktu tukar nama itu tentu dia bawa pergi kepada Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan, tentu dikaji, tengok macam mana, kuih baikkah, kuih tidak baikkah, kalau kuih tidak baik, tentu ada tindakan. Mungkin kalau-kalau waktu tahun 1975 itu ada seorang hamba Allah yang dunia tidak berani ambil tindakan, saya pun tidak tahulah, mungkin. Lepas itu sudah jadi ambil tindakan, sudah boleh tekan, pakai tekan, tekan sampai beranak terus, habis semua sekali.

Saya ingat tidak mahu bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya saya bagi pihak PAS saya sokong, kalau boleh banyak lagi beri supaya Bank Rakyat ini hidup selamat dan dapat memperbaiki taraf ekonomi orang Melayu dengan Bank Rakyat ini, tetapi jaga-jagalah jangan jadi seperti yang hamba Allah kita kata tadi, pisang berbuah dua kali, itu jaga-jagalah juga, tetapi Yang Berhormat dari Pasir Puteh kata tadi bank lain yang jadi pisang berbuah dua kali, saya kata Bank Rakyat jadi pisang berbuah dua kali, buah sekali cukuplah dan saya berdoa kepada Tuhan—orang PAS berdoa dan doa saya ini, saya harap Tuhan makbulkan, moga-moga dengan adanya peruntukan yang kita hendak beri, kita hendak luluskan daripada \$55 juta campur \$100 juta jadi \$155 juta ini akan dapat memperbaiki taraf hidup orang Melayu dan akan hidup Bank Rakyat ini dengan sebaik-baiknya dan anak-anak syarikat pun hidup

dengan berbaik-baik. Saya berharap Menteri Pertanian yang duduk di hadapan saya ini tengok betul-betul jangan jadi yang tidak berapa elok, boleh jadi bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.45 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menambah \$55 juta untuk Bank Rakyat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata apabila mencadangkan usul ini masalah-masalah yang menghadapi Bank Rakyat sekarang ialah oleh kerana ada keadaan salahguna wang, salahguna kuasa dan kekurangan minat pentadbir.

Kertas Putih ini telah memberi maklumat-maklumat yang sangat cukup dan sebab-sebab tertentu kenapa Bank Rakyat telah rugi wang jumlah yang sangat besar dan Kertas Putih telahpun memberi maklumat-maklumat asas atau background information yang cukup dan memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Kerajaan ialah satu Kerajaan yang ada tanggungjawab dan adil. Saya mengucapkan tahniah kepada pemimpin kita yang telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah Bank Rakyat dan saya harap kita tidak lagi mengadakan satu keadaan macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingatan kita sekarang haruslah untuk kesihatan rakyat dan selamatkan deposit-deposit mereka dan menjamin harapan masa hadapan mereka tidak dicompromised oleh kerana ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, salahguna kuasa dan salahguna wang mereka. Rakyat yang terlibat dalam hal Bank Rakyat ialah dari golongan petani, nelayan dan penjaja-penjaja. Mereka ialah terdiri dari golongan yang miskin. Langkah-langkah yang Kerajaan mengambil sekarang ialah tepat dan sesuai dan ini menunjukkan kepada seluruh rakyat janji-janji yang telah diberi kepada rakyat dalam pilihanraya tahun dahulu telah dilaksanakan iaitu mencapai satu masyarakat yang adil dan saksama dan juga mengambil langkah-langkah yang adil dan sesuai untuk menghapuskan rasuah.

Kertas Putih ini ialah satu bukti kita ada satu negara dan Kerajaan yang bertanggungjawab dan sincere dan sentiasa menjaga hartabenda rakyat dengan cara-cara mengikuti undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar untuk Kerajaan mengambil tindakan-tindakan dengan cara objektif ialah selalu sangat susah khususnya di dalam kes ini oleh kerana orang dengan motif mereka sendiri suka menggunakan kes ini sebagai alat propaganda tetapi Kerajaan telah menunjukkan Kerajaan ini ialah satu Kerajaan yang mature, honest and sincere.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham kenapa parti Pembangkang menggunakan peluang ini menuduh Kerajaan oleh kerana ini ialah suatu political opportunity yang boleh dapat publicity. Tetapi kita tahu rakyat Malaysia ada independent thinking dan rakyat kita sendiri boleh menentu siapa yang objektif dan siapa yang politicking. Oleh kerana kita ada confidence rakyat Malaysia ialah rakyat yang adil, bertanggungjawab dan objektif Kerajaan telah bersetuju mengeluarkan Kertas Putih ini. Ini ialah satu langkah yang berani, ini adalah satu langkah untuk kepentingan rakyat dan oleh kerana ini saya menyokong usul ini dan berharap ahli-ahli politik tidak mengapikakan perkara ini dan salahguna issue ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.50 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang memohon sebanyak \$55 juta supaya dapat dipinjamkan kepada Bank Rakyat bagi mengatasi masalah yang dihadapinya.

Saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Star yang telah memberikan sokongan kepada usul ini dan kepada Kerajaan supaya Bank Rakyat ini dapat diteruskan, diberi pinjaman dan dapat diteruskan sebagai sebuah Bank Rakyat yang sempurna. Ahli Yang Berhormat dari Kota Star tadi berdoa mudah-mudahan berhasil, saya juga meminta supaya Ahli Yang

Berhormat dari Kota Star terus berdoa, bukan sahaja Bank Rakyat akan kekal di tempatnya, bahkan terus seterusnya Kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini. Di dalam hal ini berlainan dengan Ahli Yang Berhormat dari DAP tetapi bagi saya pada mulanya saya katakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP apabila sahaja memulakan perbahasan tentulah ada berkata sesuatu yang lebih besar daripada apa yang disebutkan tadi tetapi rupa-rupanya perkataan mereka tertumpu kepada parti politik Kerajaan yakni UMNO sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan dalam Dewan ini sudahpun diumumkan kepada rakyat pada 21hb yang lalu dan rakyat terlebih dahulu mempunyai peluang berbahas di antara sesama mereka. Di dalam masa di antara 21hb hingga semalam, saya berada bersama-sama dengan rakyat dan dapat mendengar sedikit-sebanyak ada kaitan ulasan yang telah diberi oleh akhbar dan pihak-pihak yang lain, mereka masih yakin mengatakan Bank Rakyat dapat terus hidup, bahkan menjadi sebuah bank yang terbesar di dalam negara ini. Saya belum mendengar lagi sungutan daripada rakyat mengatakan keadaan ini sangat mengharukan mereka.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan memohon sebanyak \$55 juta tetapi kerugian sebenar \$65.23 juta. Pada saya jika dapat persetujuan saya suka supaya bukan \$55 juta yang diperlu tetapi \$65.23 juta itulah yang patut mendapat perhatian Kerajaan supaya diberi pinjaman di atas angka yang sebenarnya, bukan \$55 juta.

Di dalam hal ini tadi Ahli dari DAP ada masanya memuji Kerajaan mengatakan Kerajaan Barisan Nasional berterus terang dan memberi tahu keadaan yang sebenarnya walaupun perkara itu terlalu sulit dihadapi. Dalam puji-memuji itu pula, Tuan Yang di-Pertua, dikeji pula dengan mengatakan cara-cara Kerajaan kita ini menyebabkan sudah jadi begini. Ini menunjukkan pujian yang diberi oleh DAP itu tidak begitu ikhlas.

Di dalam hal ini apabila saya mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP mengatakan Bank Rakyat telah mengalami kerugian yang begitu besar dan seolah-olah kemungkinan agak saya mereka berkata:

beginilah keadaannya jika sebuah bank yang besar ditadbir oleh orang-orang Melayu—begitulah agak saya. Tetapi saya suka menafikan kerana Bank Negara, bank yang terbesar di negara ini, Gabenornya ialah orang Melayu iaitu Tan Sri Ismail Mohd. Ali. Tandatangannya ada di wang sehingga sekarang dan Bank Negara menjadi sebuah bank dalam negara yang terbesar dapat ditadbirkan dengan baik bukan masalah orang Melayu.

Saya memberi keyakinan kepada kemajuan Bank Rakyat ini oleh kerana Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian yang ada sekarang ini, pada masa dahulu menjadi Timbalan Gabenor Bank Negara, maka di atas pengalamannya, saya yakin dapat beliau membantu di Kementerian ini supaya Bank Rakyat akan menjadi sebuah bank yang maju, sihat dan baik.

Di dalam kerugian \$65.23 juta, Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang diberikan oleh Price Waterhouse & Co. menyatakan terbahagi kepada dua yakni satu kerugian disebabkan oleh anak-anak syarikat sebanyak \$37.48 juta dan satu lagi operasi bank itu sendiri sebanyak \$27.285 juta. Jadi maksud laporan itu menunjukkan bukan sahaja pihak Lembaga Pengarah bagi operasi menyebabkan kerugian bahkan anak-anak syarikat yang dimiliki oleh Bank Rakyat itu sendiri. Daripada sebanyak itu menyebabkan menanggung kerugian sebanyak \$37.98 juta itu bukanlah sebab tertumpu kepada Lembaga Pengarah dan kepada pihak operasi bank itu sendiri. Di dalam hal ini, kita sedar Bank Rakyat dimiliki oleh rakyat dengan saham-saham mereka dengan keramaian ahli-ahlinya hampir 23,463 dalam tahun 1970 dan ahli-ahli koperasi 1,000 orang iaitu 11 koperasi. Jadi kita nampak sokongan yang ada daripada rakyat untuk menjadikan Bank Rakyat sebuah bank kepada rakyat, maka sudah sepatutnya Kerajaan memberikan pinjaman sepertimana saya mengatakan tadi dan apabila bank itu terus maju hendaklah beberapa masalah yang dihadapi oleh Bank Rakyat itu sendiri dapat dibaiki ataupun dapat disusun semula.

Di dalam laporan ini mengikut Ahli-ahli Jemaah yang mengandungi 15 orang yang dipilih oleh ahli-ahli (a) Pendaftar dan wakilnya (c) dan (d). Jadi, ertinya di dalam Lembaga Pengarah tertakluk pendaftar atau

wakilnya. Sudah sepatutnyalah pihak Pendaftar yakni pihak Kerajaan sendiri mengawasi pada keseluruhannya satu daripada perkara-perkara besar yang patut diawasi, diambil perhatian oleh Pendaftar atau pihak Lembaga yang diwakili kepada Pendaftar bagi pihak Kerajaan yang saya terbaca di sini ialah mengenai dengan faedah deposit tetap yang telah ditetapkan pada tahun 1975 tiga bulan deposit tetap pada Bank Rakyat 8%, bank-bank lain kurang, 6 bulan, 9 bulan, 12 bulan dan seterusnya. Ertinya faedah yang telah diberi oleh Bank Rakyat melebihi daripada bank-bank lain dan saya yakin ini satu sebab yang boleh jadi juga dibimbangkan satu daripada perkara-perkara yang merugikan kepada perjalanan bank ini. Sungguhpun begitu bank ini masih mempunyai bangunan yang disebut dalam laporan ini, di Melaka dan ibu pejabat di Jalan Tangsi.

Saya yakin dan diharapkan apabila kekukuhan yang ada pada Bank Rakyat ini dapat dibuat seberapa banyak bangunan di seluruh negara, misalnya, tempat-tempat yang diperlukan oleh rakyat ataupun ahli-ahlinya sendiri khasnya di kawasan luar bandar supaya mereka bukan sahaja dapat berdamping dengan bank-bank lain bahkan bank mereka sendiri iaitu Bank Rakyat ini dapat mereka meminta bantuan, pinjaman dan sebagainya. Sebabnya pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang ada di luar bandar khasnya orang-orang Melayu, bumiputra sendiri apabila sahaja mereka pergi ke bank-bank lain, mereka dikehendaki syarat-syarat tertentu dan oleh kerana mereka tidak dapat memberi syarat-syarat sepertimana yang dikehendaki oleh bank-bank perniagaan, sungguhpun Bank Bumiputra sendiri ialah satu bank yang boleh menolong bumiputra, tetapi selaras juga dengan bank perniagaan, maka sepatutnyalah Bank Rakyat ini memainkan peranan yang lebih mudah, bukanlah ertinya kemudahan ini menyebabkan kerugian ditanggung oleh Bank Rakyat ini di satu masa lagi, tidaklah saya bermaksud begitu. Bahkan saya yakin di atas apa yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian kita yang baharu ini dan pegawai-pegawai di Kementerianya yang sentiasa mengawasi supaya Bank Rakyat dapat lagi menolong rakyat supaya rakyat apabila tidak

dapat menyelesaikan masalah mereka seperti pinjaman dan sebagainya dengan bank-bank lain maka mereka dapat peluang, dapat bantuan yang diberi oleh Bank Rakyat yang lebih mudah sedikit daripada bank-bank perniagaan yang lain yang ada di dalam negara kita.

Oleh itu saya berharap sungguh-sungguh kepada pentadbiran, kepada Ahli Jemaah Lembaga Pengarah yang baharu ini bukan sahaja dapat mengawasi keadaan bank itu menjadi sebuah bank yang bertaraf yang baik bahkan dapat pula memberi pertolongan-pertolongan yang lebih besar lagi sepertimana petani, nelayan dan sebagainya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong supaya peruntukan pinjaman yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri tadi sebanyak yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

6.05 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengambil bahagian dan menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas anggaran pembangunan yang diminta khususnya dalam B. 31 yang menyentuh. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita di dalam perbahasan di atas dasar, tidak payah sebut maksud kepada Anggaran Pembangunan itu, dalam Jawatankuasa nanti boleh sebutkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya pada mulanya tidak menyangka sama sekali dan apa yang saya sangkakan selama ini sudah tentu pada hari ini bila pihak Kerajaan telah membentangkan Kertas Putih berkenaan Bank Rakyat dan Kerajaan telah mencadangkan supaya diberi nafas baharu kepada Bank Rakyat tersebut. Selama ini saya menyangka terutama sekali pihak Pembangkang dalam Dewan ini tentu mereka akan gamat, tentulah mereka akan marah, tentu mereka tidak bersetuju supaya Bank Rakyat ini diberi nafas baharu, tentu mereka tidak bersetuju supaya pihak Kerajaan membenarkan diberi pinjaman. Tetapi ini saya

percaya berkat doa ahli-ahli UMNO dalam Dewan ini, berkat doa rakyat, nelayan, petani, penoreh getah dan sebagainya, apa yang saya sangkakan selama ini sebaliknya. Mereka yang turut bersama-sama dengan kita menyokong bahkan ada di antaranya yang berani mengatakan bercakap bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional, ini satu keadaan yang sungguh yang saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini beginilah keadaannya, apabila sesebuah Kerajaan ditadbirkan oleh orang yang ahli dalam pentadbiran maka semua akan menyokong Kerajaan sebagaimana hari ini Kerajaan kita Barisan Nasional.

Sesuai dengan Sabda Rasulullah; minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan sepotong Hadith berbunyi:

Iza Wusidal Amru Ila-Ghairi Ahlihi Fantazirus Sa'ah.

Maksudnya: sesuatu hal itu kalau diserahkan kepada orang yang bukan ahli di dalamnya tunggulah saat kehancuran. Jadi, saya percaya kerugian yang ditimpa atau yang diterima oleh Bank Rakyat sehingga 31hb Disember, 1975 itu ditadbir oleh mereka yang tidak ahli, kerana saat kehancurannya telah tiba dan Kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional hari ini pemimpin-pemimpinnya mereka yang ahli dalam memimpin, dalam memimpin negara ini, dalam memimpin rakyat negeri ini untuk maju dalam semua peringkat dan semua bidang. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, memang sudah kena pada tempatnya, Kertas Putih dibentangkan memang tepat pada masanya, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan di atas keberanian ini. Dengan adanya pendedahan kalau hendak dikatakan pendedahan ini, dengan adanya apa yang kita bentangkan dalam Dewan yang mulia ini dengan sendiri menghapuskan segala syak wasangka, segala desas-desus, segala kata-kata yang tidak bertanggung-jawab di luar Dewan ini yang mengatakan Kerajaan umpamanya sengaja bila menyapu sampah itu sampah taruh bawah permaidani supaya tidak nampak. Ini setengah anggapan orang. Tetapi dengan adanya pembentangan Kertas Putih ini maka Kerajaan Barisan Nasional hari ini tidak mengamalkan dasar itu bahkan mengamalkan dasar siapa yang bersalah dia akan dihadapkan ke mahkamah.

Ini juga, Tuan Yang di-Pertua, amalan yang kita amalkan hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Barisan Nasional dan UMNO khususnya memang sesuai sangat dengan dasar agama kita agama Islam yang maha suci, kerana sebagai orang yang diamanahkan membawa dan menjalankan dasar Islam ini iaitu Rasulullah, Rasulullah sendiri pernah bersabda kepada anaknya, "Wahai anakku Fatimah walaupun engkau anak aku tetapi kalau engkau mencuri, engkau juga akan dipotong tangan". Bermaknanya tadi, walaupun Saidatina Fatimah itu seorang yang tinggi kedudukannya di sisi Rasulullah, anak kepada Rasulullah tetapi kalau dia mencuri dia juga akan dipotong tangan. Jadi, maknanya yang selama ini rakyat terutama sekali pihak Pembangkang ada yang ragu konon-konon penyelewengan ini berlaku dan dilakukan oleh; terpaksa kita katakan di sini, dilakukan oleh mereka yang di dalam UMNO sendiri umpamanya, tetapi oleh kerana kejujuran dan keberanian pihak Kerajaan, dan di atas keberanian dan Kerajaan inilah sebagai neraca kepada rakyat hari ini yang mana pihak rakyat tidak syak wasangka dan tidak berbelah bagi menyokong pemimpin-pemimpin kita yang ada hari ini dan menyokong parti Barisan Nasional yang memerintah hari ini kerana pihak pemimpin kita telahpun berjanji dengan rakyat sebarang penyelewengan akan dicari segala usul akan diperiksa, akan dikaji, akan disiasat sehingga sampai ke akar umbinya. Dan ditambah dengan slogan pemimpin-pemimpin kita yang mengatakan akan mengamalkan Kerajaan bersih dalam erti segala-galanya.

Kerajaan juga dari masa ke semasa sentiasa melaung-laungkan akan menghapuskan amalan rasuah walau di mana juga berada dari peringkat yang serendah-rendahnya sampai ke peringkat yang setinggi-tingginya. Dengan ketegasan pihak Kerajaan, ketegasan pemimpin-pemimpin kita, maka rakyat hari ini bukan sahaja baharu mula dibentangkan Kertas Putih ini dan dipaparkan dalam surat-surat khabar baharu rakyat tahu bahkan selama 3 tahun ini rakyat telah memberikan kepercayaan, mulai daripada pilihanraya umum yang baharu lalu rakyat telah memberi kepercayaan kepada kita untuk mentadbirkan

negara ini, untuk menjalankan sesuatu terutama sekali untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang mana dasar ini kalau berjaya dan saya doakan supaya berjaya, insya Allah berjaya, yang mana nikmatnya akan kembali kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana juga rakan-rakan saya yang lain janganlah semata-mata pihak Bank Rakyat nanti memandang di atas peruntukan yang akan diberikan tetapi saya mencadangkan walau siapa juga mereka yang sudah berhutang dengan Bank Rakyat selama ini, walaupun dibakar segala kenyataan, segala dokumen itu, walaupun terbakar, walaupun hilang dan sebagainya maka Bank Rakyat akan menyiasat dan mencari balik, menagih balik hutang-hutang kepada piutang-piutang yang berhutang kepada Bank Rakyat kerana sebagaimana kita sedia maklum dan telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi, Bank Rakyat ini ialah tempat rakyat memberikan kepercayaan, rakyat di peringkat kelas rendah daripada orang-orang kampung yang berpendapatannya tidak tetap sebulan, yang tidak ada pendapatan tetap tetapi dengan sebab menyahut seruan Kerajaan supaya berdikit-dikit, supaya berjimat cermat, supaya menjadi ahli dalam Bank Rakyat, supaya dengan cara menjadi ahli dengan Bank Rakyat semoga rakyat dapat faedah sekurang-kurangnya faedah yang didapati oleh ahli dibolehkan meminjam untuk perniagaan, untuk penternakan dan sebagainya. Jadi rakyat penuh harapan.

Walaupun keadaan telah berlalu, walaupun apa yang telah berlaku kepada Bank Rakyat telahpun berlaku, ini semuanya selain daripada kecuaiian setengah mereka yang bertanggungjawab dalam Bank Rakyat pada masa yang lepas, sudahlah juga ditakdirkan oleh Allah subhanahuwataala yang mentakdirkan menjadi begini. Tetapi selaku kita manusia yang masih hidup, sebagai manusia yang waras, sebagai Ahli-ahli Dewan yang dilantik oleh rakyat untuk mentadbirkan negara ini dan untuk meluluskan permohonan ini supaya memberi nafas baharu kepada Bank Rakyat, dengan lain-lain perkataan tugas kita ialah untuk menolong rakyat kerana rakyat telahpun

memberikan amanah dan kepercayaan dan telahpun menggantung harapannya kepada Bank Rakyat pada masa akan datang, maka kewajipan kitalah untuk membantu rakyat melalui suara kita, melalui apa yang kita fikirkan hari ini, yang kita terpaksa yang kita wajib memberikan sokongan kepada Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong peruntukan yang dicadangkan.

6.14 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Menteri Kewangan, sebagaimana yang dikatakan tadi peruntukan \$105 juta dan khas berkenaan dengan Bank Rakyat sebanyak \$50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Tuhan pada hari ini telah dapat dibentangkan satu Kertas Putih yang menunjukkan keadaan-keadaan kedudukan Bank Rakyat yang sebenarnya dan kita sama-sama maklum manusia kita ini berkehendakkan kepada wang dan cara mendapatkan wang dengan berbagai-bagai cara, berniaga dan sebagainya. Mengikut zaman sains dan teknologi hari ini kalaulah manusia itu akan berniaga dengan wang yang ada padanya dengan tidak mencari cara tambah, meminjam dan sebagainya maka kita yakin dan percaya sesuatu perniagaan juga termasuk pertanian sekalipun, perniagaan itu atau kerja itu tidak dapat dimaju dengan segera atau mengikut keadaan zaman. Maka dengan sebab itu sebagaimana kita tahu bank-bank ini sebagai satu saluran, tempat untuk mempercepat menaikkan taraf hidup manusia di segenap segi baik segi perniagaan atau segi pertanian insya Allah berjaya kalau mengikut saluran dan aturan yang sebenarnya. Maka apakala kita kaji kepada bank-bank yang banyak kita bawa kepada Bank Rakyat, saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh saudara-saudara saya yang lain tadi Bank Rakyat ini ialah bank yang betul-betul dimiliki oleh banyaknya pak-pak tani, pemotong getah dan sebagainya dan dengan cara Bank Rakyat inilah juga yang saya dapati khasnya di kampung saya sendiri dan di negeri saya sendiri yang mana orang itu tiada berharta, tiada bertanah tetapi dengan cara masuk

Bank dengan mendapat pinjaman Bank Rakyat dapat membeli tanah menambahkan harta yang ada ataupun kadang-kadang hartanya yang tergadai. Inilah banyak yang saya sendiri tengok khasnya di kawasan saya, siapa yang biasa pergi ke Perlis tahun lima puluhan dahulu saya lihat di negeri saya satu kampung yang sungguh maju sampai hari ini. Asasnya ialah cara syarikat yang dikatakan kalau tidak silap saya anak daripada syarikat Bank Rakyat iaitu Syarikat Kerjasama Kampung Paya.

Kampung Paya ini majunya masyarakat di situ khasnya di segi ekonomi kalau hendak dibandingkan dengan kampung-kampung di tempat lain dalam Perlis amatlah payah. Manusia ini tidak lebih daripada manusia lain. Kalau di tempat lain sebesar kita di Paya semacam, kalau di tempat lain manusia ada dua tangan di Paya semacam, tetapi mereka hidup dengan lumayan. Lebih tepat saya katakan cara ekonomi mereka ini lebih tinggi daripada penduduk-penduduk lain yang ada dalam Perlis kerana perkara yang besar sekali yang meningkatkan tujuan hidup mereka, benda ini tepat saya katakan tadi cara bersyarikat kerjasama ataupun lebih tepat sesudah adanya cara Bank Rakyatlah yang meninggikan taraf hidup rakyat-rakyat yang saya katakan tadi. Tetapi lainlah pula cara peniaga-peniaga yang besar ia pinjam dari Bank Bumiputra dan sebagainya. Maka benda ini telah menjadi nyata kepada kita bersama Bank Rakyat telah memberi pertolongan yang banyak kepada rakyat. Jikalau Bank Rakyat ini bangkerap, kalau Bank Rakyat ini mati, ini amatlah menyedihkan rakyat umum, rakyat yang berpendapatan rendah. Dengan sebab itu apa yang dibentangkan oleh Kerajaan untuk menaikkan lagi taraf Bank Rakyat yang boleh dikatakan teruk disebabkan oleh beberapa keadaan yang tidak dapat dielakkan yang kita sama-sama tidak suka perkara itu berlaku, saya yakin kita tidak suka. Sebab saya katakan begitu, kita lihat hari ini apa yang dibentangkan oleh Kerajaan dalam Kertas Putih, walaupun ada disebut dengan tepat dan saya percaya tadi disebut kalaulah perkara itu kita hendak sebut setengah orang yang kita suka, orang yang kita benci, orang yang kita suka kita tidak mahu sebut, saya yakin nama salah seorang yang ternama hari ini dalam

Kerajaan Barisan Nasional yang dikemukakan Kertas Putih oleh Kerajaan Barisan Nasional sendiri, oleh Kerajaan sendiri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalaulah dia hendak sembunyi orang dia pun tahu patut tidak dibubuh dalam Kertas Putih tetapi macam dikatakan oleh saudara saya daripada Panti tadi, apa boleh buat kalau yang ternama itu orang yang diharap oleh ketua Kerajaan juga dia hendakkan berhutang, nama tuan terpampanglah juga dalam buku yang besar ini. Syukurlah Kangar ini walaupun dia ada berhutang dalam itu tidak dinyatakan kerana dia tidak berhutang. Itu sebagai satu kenyataan. Saya berasa dukacita sedikit kerana pihak Pembangkang tadi hanya mencari salah. Saya masih ingat lagi kalau seseorang itu suka melaga-lagakan; hari ini dia sebut lagu lain, barangkali kalau ada kes lain, lagu lain pula dia sebut. Jadi saya yakin sampai bila pun seperti yang dikatakan oleh Pembangkang itu mereka tidak akan sokong walaupun pada barisan satu dia menyokong tetapi yang lain-lain dia tetap bangkang juga. Ada sahaja yang dia hendak menyalahkan kita.

Dengan kenyataan ini saya yakin dan percaya telah menjadi nyata kepada rakyat umum iaitu Kerajaan kita hari ini akan menolong rakyat dengan sebenar-benarnya dan akan membentangkan walaupun siapa yang bersalah, yang ada berhutang. Moga-moga ini menjadi satu tauladan kepada kita di masa yang akan datang kalaulah kita tersilap baik di segi berhutang tidak ada aturan, di segi buat kerja tidak ada saluran, kalaulah hari ini Bank Rakyat dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, boleh jadi malam ini disiarkan dalam TV dan sebagainya, saya percaya kalau Kerajaan kita sanggup membentangkan hal Bank Rakyat, dan kalaulah bank-bank lain juga tersalah langkah dan tersilap aturan, saya yakin Kerajaan kita akan membentangkan dengan tidak memilih mana bank dan tidak memilih siapa sekalipun.

Yang saya berasa dukacita sedikit tadi berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar. Dia suruh ambil tindakan kepada siapa yang berhutang. Saya juga berpendapat patut orang yang

berhutang itu diminta membayar balik dan saya berpendapat juga kita tengok keadaan orang-orang yang berhutang itu. Kita hendak menolong, kalau kita tengok sesuatu keadaan itu terlampau susah, patut kita tolong mengikut keadaan dengan saluran-saluran dan syarat-syaratnya. Tetapi kalaulah kita tengok keadaan seseorang itu berhutang dengan keadaan yang tidak dapat dielakkan, tidak boleh dibayar walaupun kita declare bankruptcy dan sebagainya pun sepatutnya kenalah kita kaji. Tetapi kalaulah kita tengok orang itu hartanya begitu banyak, patutlah kita nilai dan ambil tindakan dengan tidak memilih kepada siapa sekalipun.

Saya berasa dukacita tentang apa yang dikatakan oleh Wakil dari Kota Setar tadi kalaulah dia kata kita rugi \$65 juta, dia suruh tolak \$2 juta yang masih terhutang oleh ahli partinya sendiri iaitu ahli parti PAS. Saya sangat-sangat tidak bersetuju dengan sikap yang dibawa oleh Wakil dari Kota Setar itu. Di sini sebagai satu bukti menafikan apa yang dikatakan oleh Wakil dari Petaling tadi iaitu UMNO ini semata-mata untuk orang UMNO, Bank Rakyat semata-mata untuk UMNO; benda ini tidak benar sama sekali. Bank Rakyat kita boleh kata untuk orang luar bandar khususnya Bumiputra, tidak kira sama ada mereka orang UMNO atau PAS. Kalau tidak masakan pemimpin PAS yang ada berhutang sama yang termasuk sampai seorang sejuta ringgit lebih. Jadi apa yang dikatakan oleh Wakil dari Petaling tadi UMNO tidak jujur; ini tidak benar.

Kita tidak boleh menafikan tujuan Bank Rakyat ini yang besar sekali ialah untuk menolong rakyat khususnya rakyat yang susah sebagaimana kita sama-sama tahu dan sebagaimana yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat di masa yang akan datang perkara ini tidak akan berlaku.

Sesebuah syarikat atau bank khususnya syarikat tidak akan boleh maju sama sekali melainkan dengan beberapa syarat yang tertentu. Syaratnya pada pendapat saya ialah kewangan kena ada, pentadbirannya kena baik, amanahnya kena ada. Kalau amanahnya cukup wangnya tidak ada, tidak upaya hendak bersyarikat. Tidak upaya hendak buat kalau dengan tidak ada modal. Kalau modalnya ada

amanahnya tidak ada, amanahnya ada tetapi pentadbirannya tidak pandai pun tidak boleh.

Satu lagi saya suka tambah iaitu cara pasaran. Kesemuanya kena ada. Kita bukan tengok bank yang besar yang akan bangkerap dan boleh jadi akan bangkerap lagi, bank di kampung pun banyak yang bangkerap bukan kerana tidak ada wang, kadang-kadang ada wang tetapi silap tadbir. Satu lagi sebagai ingatan kepada kita bersama, matinya satu badan bukan sahaja sekerat di kepala tetapi kadang-kadang kalau sakit tentang lain pun terlampau teruk akan mati satu badan walaupun kepala yang menjadi kesnya. Tidak nampaknya satu pokok bukan sebab akarnya tidak jalan, kadang-kadang kalau batangnya ditebang, akarnya turut tidak makan. Jadi apa yang saya maksudkan ialah satu-satu badan kita hendaklah jaga bersama-sama, kadang-kadang kerana seorang ketua dia terlampau diharap, menjahanamkan semua sekali. Ibarat saya kata pokok tadi—bukanlah kerana akar itu dimakan ulat, pokok itu mati. Kadang-kadang kerana batangnya sudah tidak jalan, termasuk dengan cabangnya sekali tidak jalan, maka akarnya akan pupus sama sekali.

Dengan sebab itu, saya percaya ada di antara pegawai-pegawai kita baik di Bank Rakyat yang akan datang sebagai peringatan kepada kita bersama, maklumlah kita hendak tengok sesuatu perkara itu satu persatu tentulah tidak boleh, kadang-kadang kita harapkan orang; inilah perkara yang banyak berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap sangat-sangat macam saya kata tadi Bank Rakyat adalah satu tumpuan kepada rakyat, orang yang akan menjaganya kalau diibaratkan pokok, akar, batang dan cabang kita berilah akarnya bagus, batang bagus, cabangnya bagus. Maka daripada akar yang bagus, batang yang bagus dan cabang yang bagus akan menghasilkan ranting dan akan berbuah dengan baik. begitulah juga saya harap segala bank-bank termasuk Bank Rakyat dan saya harap sekali lagi perkara yang telah berlaku tidak akan berlaku lagi.

Kepada Kerajaan yang ambil tindakan untuk memajukan Bank Rakyat, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Saya berharap kalau boleh saya sokong juga pendapat rakan saya Yang Berhormat dari Matang tadi jangannya diberi pinjaman sekadar \$55 juta sahaja dan setahu saya kalau tidak silap

dahulu Kerajaan telah bantu, kita bantulah lagi. Maknanya sekali kita jahanam bukan bererti akan jahanam terus-menerus. Kadang-kadang itu menjadi tauladan kepada kita bersama kerana inilah tempat harapan rakyat. Bank-bank lain itu tempat orang berniaga yang besar-besar macam Bank Bumiputra, Chartered Bank dan sebagainya. Tetapi tempat harapan rakyat seperti yang saya kata tadi ialah Bank Rakyat. Saya tengok dengan mata saya sendiri, saya tahu dengan pengetahuan saya sendiri, daripada saya masih kanak-kanak dahulu, kebanyakan harta-harta yang ditambah dengan pendapatan kampung, buat bendang cepat dan sebagainya ialah dengan hasil mendapat bantuan daripada Bank Rakyat ataupun syarikat kerjasama dan sebagainya. Kalaulah perkara ini tidak berjalan ataupun malap, ataupun mati terus, tujuan hendak menaikkan taraf hidup rakyat sebagaimana tujuan Kerajaan hari ini terutama sekali Dasar Ekonomi Baru di mana rakyat yang paling lemah sekali ialah rakyat luar bandar, maka mereka akan tercicir.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibentangkan oleh Kerajaan ini saya menyokong sepenuh-penuhnya dan saya berharaplah Bank Rakyat kalau tidak maju di masa yang lepas, kita sama-sama membetulkannya dan dengan tindakan Kerajaan, langkah Kerajaan membentangkan dalam Parlimen, saya yakin Bank Rakyat akan bertambah maju.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

HAKIM DAN "JUDICIAL COMMISSIONERS"—LANTIKAN

6.30 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk berucap sedikit sebanyak atas satu perkara yang penting,

dengan izin, Tuan Speaker, in the public interest. . . .

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Speaker, mengikut Standing Order 13 kita tidak cukup koram sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, hitung dahulu!

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 26hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.